

BAB EMPAT

ANALISA DAN RUMUSAN

PENGGUNAAN METHADONE DALAM RAWATAN PENAGIHAN DADAH

4.1 ANALISA METHADONE

4.1.1 PENGENALAN

Tidak ada nas samada al-Quran atau al-Hadith yang mengeluarkan hukum secara terus tentang penggunaan methadone dalam rawatan yang menyasarkan kepada penagih dadah tegar. Malahan perbincangan dadah tidak dibincangkan oleh sahabat-sahabat, di zaman Umawiyah, Abbasiyyah, imam-imam yang empat, imam Mujtahid dan ulama salaf kerana tidak berlaku permasalahan ini pada zaman mereka. Dadah mula timbul di antara akhir kurun ke-6 hijrah atau awal ke-7 hijrah²²². Oleh yang demikian itu, pengkaji perlu meneliti satu persatu pengecaman untuk dibuat perbandingan ke arah satu kesimpulan yang meletakkan methadone samada berperanan sebagai satu ubatan dan perawatan atau sebaliknya kepada penagih dadah tegar di Malaysia.

4.1.2 PRINSIP UBAT-UBATAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Kita dapat memahami bahawa di bab satu kajian ini menjelaskan berkenaan umat Islam digalakkan berubat untuk menjaga kesinambungan hidup agar umat Islam dapat menunaikan tanggungjawabnya dengan sempurna samada kepada diri sendiri, orang lain dan Allah.

Namun, dewasa ini pelbagai penyakit timbul dan mempengaruhi kelancaran hidup individu. Oleh yang demikian itu, ramai ahli sains berusaha dan

²²² Taqi al-Din Ahmad b Abdul Halim Ibn Taimiyyah(1997),*op.cit.*, j.34, Mansurah: Dar al-Wafa', h. 130. Ibn 'Abidin (1979), *Hashiyyah Rad al-Muhtar*, j. 6, cet. 2, T.T.P: Dar al-Fikr, h.459. Muhammad Syarbini(1958), *Mughni al-Muhtaj*, j.8, Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladih,h.187. Shihab al-Din Aba al-'Abbas al-Sanhaji al-Qarafi(t.t), *al-Furuq*, j.1, Beirut: Dar al-Ma'rifah, h.216. Wizarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah(2005), *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, j.11, Kuwait: Dar al-Safwah,h. 35.

cenderung mencari punca penyakit serta mencipta pelbagai ubatan termasuk methadone. Walau bagaimanapun, sebagai umat Islam yang ada undang-undang tersendiri maka apa yang dimakan, diminum atau digunakan walaupun untuk pengubatan ada prinsip-prinsipnya yang tersendiri. Kesemua makanan, minuman, ubat-ubatan tersebut tetap berpandukan kepada hukum syarak yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas.

Malaysia juga mengambil inisiatif mengeluarkan prinsip ubat-ubatan berdasarkan hukum syarak yang berlandaskan empat sumber hukum iaitu al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qias dengan berpandukan mazhab Syafie atau undang-undang dalam mana-mana mazhab samada mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali²²³. Pihak Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur ada mengeluarkan garis panduan ubat-ubatan; sebagaimana yang termaktub di dalam "Garis Panduan Bersama Kawalan Ubat-Ubatan Dalam Islam"²²⁴. Di dalam garis panduan ini, ia menjelaskan bahawa ubat yang menepati syarak ialah ubat yang menepati definisi ubat dan menepati definisi ubat yang halal. Definisi ubat yang dinyatakan ialah:

" Ubat adalah bahan yang digunakan untuk perubatan bagi mengesan (diagnosis), meringankan, merawat, menyembuh, atau mencegah penyakit pada manusia serta meningkatkan taraf kesihatannya".²²⁵

Manakala definisi ubat yang halal²²⁶ ialah:

"Ubat-ubatan yang halal (atau perkataan yang semakna dengannya) bukan sahaja mesti menepati definisi ubat seperti yang telah diterangkan tetapi sebagai tambahan mesti menepati ciri-ciri berikut:

- a) Bukanlah terdiri dari atau mengandungi bahan dari haiwan yang orang Islam dilarang oleh hukum syarak menggunakannya atau memakannya ataupun tidak disembelih mengikut hukum syarak.*
- b) Tidaklah mengandungi bahan yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak.*

²²³ Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur (1995), *Garis Panduan Bersama Kawalan Ubat-Ubatan Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, h. 11.

²²⁴ *Ibid.*, h.11

²²⁵ *Ibid.*, h.11.

²²⁶ *Ibid.*, h.12,13.

- c) Tidak disedia, diproses, dikilang atau disimpan dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas dari bahan-bahan najis mengikut hukum syarak.
- d) Tidakkah, apabila menyedia, memproses, mengilang atau menyimpannya itu, bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa bahan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak perenggan (a), (b) atau (c) ataupun apa-apa bahan yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak.
- e) Tidakkah, apabila digunakan dengan sengaja, boleh mendatangkan kesan-kesan yang boleh membahayakan.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji daripada garis panduan di atas, pengkaji mengeluarkan perkara-perkara berkaitan yang perlu diketengahkan sebagai huraian agar sesuatu makanan, minuman termasuk ubat-ubatan perlu dipatuhi.

Sebagaimana yang sedia maklum bahawa setiap makanan, minuman, kegunaan seperti ubat-ubatan yang digunakan perlulah dibenarkan oleh syarak atau dengan kata lain halal iaitu sebagaimana yang dijelaskan di bawah:

1. Bahan yang halal ialah bahan atau sumber yang tidak dilarang kepada orang Islam memakannya atau menggunakannya atau tidak bersumberkan binatang yang tidak disembelih mengikut hukum syarak²²⁷.

Allah telah menetapkan perkara tersebut di dalam al-Quran sebagaimana berikut:


Firman Allah:



Ertinya: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah.²²⁸

Surah al-Baqarah (2): 173

Firman Allah lagi:



²²⁷ Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur (1995), *ibid.*, h. 12.

²²⁸ 'Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif (1418), *op. cit.*, h. 42 dan h.419.

Ertinya: Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan.²³²

Surah al-Maidah (5): 90

Apa yang dapat difahami daripada ayat-ayat al-Quran di atas ialah apa sahaja samada makanan, minuman, ubatan, campuran, kandungan makanan dan minuman yang haram dimakan adalah seperti berikut:

i- Bangkai:

Binatang yang hilang nyawanya dengan cara tidak disembelih mengikut syara' atau yang disembelih tetapi bertujuan selain nama Allah adalah dikira bangkai. Begitu juga dengan binatang halal dimakan yang sakit, tercekik, dipukul, yang jatuh, yang ditanduk, yang bergaduh, diterkam binatang lain lalu mati dan tidak sempat untuk disembelih adalah dikira bangkai.

ii- Darah yang mengalir:

Iaitu darah yang mengalir ketika disembelih, ketika berlaku pendarahan, tercedera atau luka dan juga darah daripada daging atau organ.

iii- Babi.

Seluruh bahagian termasuklah lemak, najis, air liur dan apa yang bersumberkan dan keluar darinya.

iv- Binatang yang disembelih dengan seruan selain tuhan selain dari Allah contohnya sembelihan untuk penyembahan berhala dan jin. Allah menyatakan pengharaman atas penyembelihan ini sebanyak empat kali di dalam al-Quran.

v- Arak:

Semua jenis arak dan setiap yang memabukkan samada cair ataupun beku.

²³²Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif (1418), *ibid.*, h. 176.

2. **Bahan atau sumber yang dimakan, diminum atau digunakan perlulah tidak mengandungi apa-apa bahan yang dihukum sebagai najis berdasarkan penilaian hukum syarak²³³.**

Najis berasal daripada perkataan Arab نَجَسٌ iaitu قَذَرٌ bermakna kotor²³⁴. النجاسة dari segi bahasa ialah القذارة²³⁵ iaitu kotoran. Dari segi syarak ialah kotoran yang menghalang sahnya solat tanpa ada kelonggaran²³⁶.

Berdasarkan mazhab Syafi'e, al-Khatib al-Syarbini menghuraikan apa yang ditulis oleh Imam Nawawi yang menerangkan bahawa takrif najis 'ain²³⁷ (*a'yan al-najasah*) merangkumi seperti berikut dan semuanya dikira najis:²³⁸

i) Arak dan setiap cecair yang memabukkan adalah dikira najis menurut jumhur ulama. Persoalan ini juga termasuk semua jenis arak moden tanpa mengira namanya.

ii) Anjing dan seluruh bahagiannya, baki atau sisa makan dan minumannya juga termasuk najis. Sabda Nabi:

إذا ولغ الكلب في آناء احدكم فليغسله سبع مرات أو لاهن بالتراب²³⁹

Ertinya: Apabila anjing telah menjilat bekas setiap kamu maka cucilah ia sebanyak tujuh kali. Satu kali yang pertama, dicuci dengan tanah.

iii) Babi dan seluruh anggotanya yang kering mahupun basah.

iv) Bangkai dan seluruh bahagian dan anggotanya, kering mahupun basah kecuali mayat manusia. Ini adalah kerana mayat manusia adalah dimuliakan. Rasulullah

²³³ Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur (1995), *op.cit.*, h. 12.

²³⁴ Ibrahim Mustafa et.al (1990), *al-Mu'jam al-Wasit*, j: 2, Istanbul: Dar al-Da'wah, h. 904. Ahmad b Muhammad b Ali al-Maqri al-Fayyumi (t.t), *Misbah al-Munir*, Beirut: Dar al-Qalam, h.815.

²³⁵ Sa'di Abu Jaib(1988), *al-Qamus al-Fiqhi*, Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 347.

²³⁶ Abi Zakaria Yahya b Syarfi An-Nawawi Al-Dimasyqi (1992) *Raudhah al-Talibin*, j. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.122. Muhammad Syarbini al-Khatib(1958) *Mughni al-Muhtaj*, j. 1, Kaherah: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 77.

²³⁷ rasa atau bau atau warna atau apa yang boleh mendatangkan keraguan. Abdul Majid Mahmud Salahin (1991), *op.cit.*, j:1, h.20.

²³⁸ Muhammad Syarbini al-Khatib(1958), *ibid.*, h.77-86.

²³⁹ al-Munziri (1999), *Mukhtasar Soheh Muslim*, Kitab *al-Wudhu'*, no.Hadith: 120, Beirut: Dar Ibn Kathir,h:89. al-Suyuti wa as-Sindi (1999), *Sunan an-Nasaie*, Kitab *al-Miyah*, no. hadith : 337-338, j. 1, Kaherah: Dar al-Hadith, h. 277.

menjelaskan bahawa ikan dan belalang tidak dikira bangkai. Oleh yang demikian itu, ikan dan belalang tidak dikira najis.

v) Setiap apa yang berubah dalam tubuh badan haiwan iaitu darah, nanah, muntah, tahi, kencing, air mazi, air mani, air susu binatang yang tidak boleh dimakan dagingnya dikira najis kecuali susu ibu. Walau bagaimanapun, dalam perkara ini ada berlainan pandangan ulamak.

vi) Apa yang terpisah dari haiwan yang boleh dimakan yang masih hidup dikira najis kecuali rambut, bulu (الصوف) seperti jenis bulu kambing, rerambut (الوبر) seperti jenis bulu di kulit unta dan الريش seperti jenis bulu burung.

vii) Peluh, airmata, hingus dan air liur daripada haiwan yang najis adalah dikira najis khususnya anjing dan babi. Walau bagaimanapun, Mazhab Maliki tidak mengkategorikannya sebagai najis²⁴⁰.

viii) Semua darah yang mengalir atau tumpah kecuali darah ikan.

ix) Tulang dari bangkai.

3. Bahan yang dimakan, diminum atau digunakan perlulah disedia, diproses, dikilang atau disimpan dengan menggunakan apa-apa alat yang bebas dari bahan-bahan najis mengikut hukum syarak²⁴¹.

Apa yang dimaksudkan dengan penggunaan peralatan yang bebas dari bahan-bahan najis mengikut hukum syarak di atas ialah alat-alat yang digunakan dalam pemrosesan untuk menghasilkan sesuatu makanan, minuman atau ubatan tersebut. Ianya tidak boleh secara mutlak berkongsi penggunaan dengannya dalam pemrosesan bahan yang berstatus najis atau haram berdasarkan hukum syarak. Di antara contoh yang mudah difahami ialah periuk, kuali, mangkuk, sudu, alat pemotong dan pisau. Begitu juga termasuk peralatan-peralatan dikilang yang memproses bahan berkenaan.

²⁴⁰ Abdul Rahman al-Jaziri (1990), *Kitab al-Fiqh 'Ala Mazahib al-'Arba'ah*, j. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah, h. 14.

²⁴¹ Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur (1995), *op.cit.*, h. 12.

4. Bahan yang dimakan, diminum atau digunakan perlulah disedia, diproses, dikilang atau disimpan tidak bersentuhan atau tidak berdekatan dengan apa-apa bahan yang memenuhi perkara-perkara (1), (2) dan (3) di atas ataupun apa-apa bahan tersebut tidak dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak²⁴².

Seperti yang sedia maklum bahawa najis berdasarkan hukum syarak ialah najis hukmi dan najis 'aini. Najis hukmi ialah sesuatu yang 'ainnya bersih yang mana apabila 'ain yang bersih ini terkena najis 'ain yang basah, maka 'ain yang bersih itu menjadi kotor. Ijma' Fuqaha' membolehkan ia disucikan dengan air. Manakala penyucian dengan tanah, matahari, angin dan pengeringan pula dibenarkan oleh sebahagian ulama²⁴³. Maka, ini dapat difahami bahawa najis hukmi ialah sesuatu yang suci yang terkena najis dan ia boleh disucikan.

Najis 'aini pula ialah 'ain sesuatu itu adalah najis. Dengan kata lain, sesuatu itu sendiri adalah najis dan ianya tidak boleh disucikan seperti tahi.

Hukum bagi bahan yang berstatus najis berdasarkan hukum syarak dan benda yang terkena najis (*al-mutanajjisah*) adalah haram dimakan, diminum atau memasukkannya ke dalam badan walau dengan apa cara sekalipun. Berdasarkan perkara ini, Dr. Muhammad Sulaiman berpandangan bahawa:

كل مادة محكوم بنجاستها فهي محكوم بتحريم تناولها²⁴⁴
"Setiap benda yang dihukumkan najis maka
pengambilan benda tersebut hukumnya haram."

Maka, hukum penggunaan najis dan benda yang terkena najis bukan bertujuan untuk makan dan minum, adalah harus. Ianya seperti baja, minyak pelita dari sumber pembuatannya bernajis (yang digunakan di luar dari dalam masjid), minyak gris dan alat-alat lain yang menggunakan minyak atau lemak yang bersumberkan pembuatannya

²⁴² Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur (1995), *ibid*.

²⁴³ Muhammad Sulaiman al-Asyqar (2001), *Ibath Ijtihadiyyah Fi al-Fiqh al-Tibbi*, Beirut: Muassasah Al-Risalah.h. 94.

²⁴⁴ *Ibid*, h. 96.

dari bangkai²⁴⁵ adalah dibolehkan. Dalam konteks sesuatu yang terkena najis (*al-mutannajjis*), terdapat dua cara *al-mutannajjis* boleh menjadi suci dan hilang status pengharamannya iaitu dengan cara membasuh atau *al-mutannajjis* tersebut berubah dengan sendirinya.

Oleh yang demikian, dalam konteks najis 'aini yang melalui proses *istihalah* dalam proses saintifik penghasilan ubat-ubatan, Dr. Muhammad Sulaiman al-Asyqar menjelaskan bahawa najis 'aini tidak boleh sama sekali disucikan kecuali sekiranya berlaku *istihalah*. Ini adalah kerana pengertian *istihalah najasah* itu sendiri adalah perubahan najis kepada sesuatu yang lain secara kimia dan berubah menjadi subjek yang lain secara total. Pendapat menghalalkan konsep ubatan yang melalui proses *istihalah* ini adalah pandangan jumur fuqaha kecuali mazhab Hanbali yang berpandangan bahawa najis 'aini yang berubah kepada sesuatu yang lain melalui *istihalah* tetap tidak menjadi suci²⁴⁶.

5. Bahan yang dimakan, diminum atau digunakan dengan sengaja, boleh mendatangkan kesan yang memudaratkan²⁴⁷.

Mudarat yang dimaksudkan ialah makanan, minuman atau ubatan yang mendatangkan kerosakan terutamanya terhadap tubuh badan dan akal fikiran. Hukum syarak tidak membenarkan penggunaannya kerana larangan ini dapat mencegah keburukan yang akan timbul. Apa sahaja yang memudaratkan samada bahan kimia, tumbuhan, binatang, hidupan, bahan-bahan yang memabukkan dan segala sesuatu yang dianggap kotor dan menjijikkan menyebabkan manusia menolak untuk memakannya dan tidak memberi manfaat terhadap tubuh badan seperti tanah, batu, kaca, arang adalah dilarang sama sekali untuk dimakan.

Firman Allah:

²⁴⁵ *Ibid*, h.97.

²⁴⁶ *Ibid*, h.95.

²⁴⁷ Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur (1995), *op.cit*.

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ

مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

Ertinya: Dan makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang telah Allah rezkikan kepada kamu.²⁴⁸

Surah al-Maidah (5): 88

Firman Allah:

وَيَجِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثَاتِ

Ertinya: Dan menghalalkan bagi mereka segala yang baik dan menghalalkan bagi mereka segala yang buruk

Surah al-A'raf (7): 157

Firman Allah:

قُلْ لَا آجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهْلًا لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلْيَنْ رُبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Ertinya: Katakanlah: Tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir atau daging babi - kerana sesungguhnya semua itu kotor.²⁴⁹

Surah al-An'am (6): 145

Sebuah Hadith dari Ummu Salamah R.A katanya:

²⁵⁰ نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن كل مسكر ومفتر

Ertinya: Rasulullah S.A.W. melarang dari semua perkara yang memabukkan dan melalaikan (melemahkan).

(Sunan Abi Daud)

Berdasarkan kesemua garis panduan yang diterangkan oleh pengkaji di atas, kita mendapati bahawa methadone juga sepatutnya tidak terlepas dari prinsip-prinsip

²⁴⁸ Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif (1418), *op.cit.*, h. 176.

²⁴⁹ *Ibid.*, h. 212-213.

²⁵⁰ Abi Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi (1998), 'Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud, j.10, Kitab Al-'Ilm, Bab 5, no. 3681, j.10, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 91.

tersebut yang membolehkan ia digunakan sebagai salah satu ubat-ubatan untuk merawat penagih dadah tegar.


4.1.3 PENILAIAN METHADONE

Bagi mengenali methadone samada ia adalah kategori dadah atau ubat atau *drugs*; pengkaji mengeluarkan fakta-fakta penting berkenaan methadone dari bab dua dan tiga dan apa yang berkaitan dengannya. Fakta-fakta tersebut adalah penting untuk pengkaji mengkaitkan serta membuat penilaian yang membawa kepada hukum penggunaannya.

Sebagaimana yang telah difahami berkenaan methadone, pengkaji mendapati bahawa bahan atau zat methadone adalah bersumberkan dari bahan kimia yang diproses secara sintetik dan secara klinikal di makmal atau diproses secara industri. Dengan kata lain, bahan atau zat methadone merupakan bahan yang diproses secara klinikal di makmal kemudian dikilangkan.

Perbezaan utama antara methadone dan morfin hanyalah dari sudut; morfin bersumberkan bahan semulajadi dari tumbuhan iaitu popi manakala methadone adalah bersumberkan bahan aktif kimia yang diproses secara makmal. Persamaan antara methadone dan morfin hanyalah dari hasil kesantindak kedua-dua bahan ini ke otak. Penerangan berkenaan sumber asal morfin dan methadone dapat dilihat pada rajah 4.1 di bawah:

Rajah 4:1: Perbezaan sumber asal morfin dan methadone.



Methadone terletak di bawah kategori *drug* "opioid analgesik agonis penuh" (*full agonist analgesic opioid*) iaitu satu kategori dengan *drug* heroin dan morfin. Methadone dikategori di dalam kumpulan *drug* ini kerana methadone mempunyai kesantindak yang sama seperti opioid asli (bukan sintetik). Kesantindak farmakologi methadone serupa dengan morfin berdasarkan kesantindak *drug* tersebut terhadap sistem saraf pusat dan reseptor mu²⁵¹. Oleh sebab itulah methadone diletakkan di bawah kategori *drug* "opioid analgesik agonis penuh".

Cara kesantindak methadone yang amat berguna dalam perubatan ialah dengan cara methadone berperanan sebagai penghalang (*blockade* atau *cross tolerance*) kepada kesan-kesan yang terhasil daripada agonis opioid mu seperti heroin atau morfin. Dengan kata lain, methadone menghalang pengambilan dos semakin tinggi terhadap dadah terlarang dengan cara methadone mengaktifkan reseptor opioid dalam otak dan merangsang reseptor untuk menghalang isyarat rasa sakit. Untuk lebih mudah difahami, methadone bertindak menutup ransangan heroin dan dadah lain pada otak. Dengan rawatan methadone ini, ianya akan mengurangkan atau menghilangkan tindakbalas heroin dalam badan.²⁵²

Methadone berupaya mengelakkan kesan gian yang mana ia merupakan kesan utama yang dihasilkan oleh methadone berdasarkan dari kesantindaknya. Oleh itu, ia juga menghalang kesan ke arah penyalahgunaan dadah terlarang di samping mampu mengurangkan keinginan terhadap dadah opiat.

Walaupun methadone mempunyai kesan yang baik ke arah penyembuhan. Namun, ia juga mempunyai kesan sampingan dan kesan yang memudaratkan dan semua kesan-kesan tersebut dapat dijelaskan seperti berikut:

²⁵¹ D.R.Laurence *et al.*(2001), *et.al.*,h.322. Sharon L. Walsh *et. al.* (1999),The Pharmacology of Methadone dalam *Methadone Treatment For Opioid Dependence*, diedit oleh Eric C. Strain *et.al.*, Baltimore: London, h. 39 & 50.

²⁵² 7 Maklumat Penting Tujuh Maklumat Penting Terapi Gantian Dengan Metadon (2005), Unit Substans dan Konsultasi, Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD), Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia, h.3.

1) Kesan yang baik.

Methadone memberi kesan yang baik terhadap tubuh badan pesakit terutama mengelak simptom tarikan, mengawal proses detoksifikasi ataupun pembuangan narkotik lain daripada tubuh penagih.

2) Kesan sampingan.

Kesan sampingan daripada methadone tidaklah serius sebagaimana ubat-ubatan yang lain²⁵³. Ianya hanyalah seperti sukar tidur, loya dan muntah, sembelit, mulut kering, kerap berpeluh dan peningkatan berat badan. Oleh yang demikian itu, pihak pengelola rawatan akan memberikan panduan kepada pesakit untuk menghilangkan kesan sampingan tersebut. Namun, tidak semua pesakit menghadapi kesan sampingan²⁵⁴. Di samping itu, sebagaimana yang dinyatakan di bab 3, pesakit lelaki mudah terdedah kepada sakit tuan²⁵⁵. Walau bagaimanapun, semua kesan sampingan ini adalah bergantung kepada metabolisme tubuh badan masing-masing.

3) Kesan yang memudaratkan.

Kesan yang memudaratkan akan timbul daripada methadone apabila pihak pesakit sendiri atau pihak pengelola tidak menuruti peraturan penggunaan methadone.

Walaupun methadone tidak merbahaya, ia boleh disalahguna dan menyebabkan maut²⁵⁶ kerana cara kesantindaknya adalah sama seperti opioid lain. Namun, melalui pelbagai kajian menunjukkan bahawa methadone adalah pengubatan yang selamat. Dengan sebab itu, tujuan penggunaan dan pengambilan methadone dipreskripsikan, dikawal ketat dan dipantau untuk mengelak pelbagai kemungkinan.

Methadone juga mempunyai kesan penting yang lain iaitu kesan psikososial. Tujuan utama mereka dirawat dengan methadone agar mereka dapat mencapai kesan

²⁵³ Wawancara bersama psikiatri Dr. Salina Abdul Aziz dan Dr. Zakira Talib dari Hospital Kuala Lumpur dalam rancangan televisyen Selamat Pagi Malaysia pada 5hb Ogos 2008 jam 9.45-10.00 pagi di dalam segmen Doktor Dan Anda bertajuk "Klinik Methadone".

²⁵⁴ *ibid*

²⁵⁵ MMT Guidelines: National Methadone Maintenance Therapy Guideline, *op.cit.*, h.10-11.

²⁵⁶ <http://www.myhealth.gov.my>. Dzulkifli Abdul Razak(2005), Kumpulan Dadah Narkotik, dalam Mohd Izham Mohamed Ibrahim et al. (eds.), *op.cit.*, h.41.

psikologi terhadap sosial. Sebagaimana kesan yang dinyatakan oleh pengkaji pada bab kedua, kesan yang dapat dilihat kepada penerima rawatan methadone iaitu mereka mampu menguruskan diri sendiri, jelas pertuturan, memandu, mencari pendapatan sendiri serta keluarga, berumahtangga dan pelbagai bentuk kenormalan kualiti hidup. Ini bererti methadone berperanan seperti ubatan yang lain yang selamat dan tidak membahayakan apalagi jenayah membunuh. Oleh yang demikian itu, pada pandangan pengkaji, ia mampu untuk melakukan ibadah seperti solat memandangkan mereka mampu memberi penumpuan yang penuh untuk memandu kenderaan apatah lagi dapat mengawal diri untuk berpuasa.

Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, tujuan penggunaan methadone di Malaysia adalah semata-mata untuk merawat dan rawatan ini hanya disasarkan kepada penagih dadah tegar²⁵⁷. Kumpulan dan sasaran pesakit adalah penagih dadah opiat tegar heroin dan morfin yang tidak mengalami penyakit kronik. Melalui pengamatan pengkaji menerusi maklumat-maklumat sebelum ini, seseorang yang boleh dikatakan penagih dadah tegar ialah penagih yang mempunyai faktor berikut:

- 1) Pencapaian kebergantungan dadah yang tinggi menyebabkan kekerapan pengambilan dadah setiap 4 jam atau kurang, dalam tempoh satu hari.
- 2) Pencapaian yang mampu ke tahap berperilaku ganas apabila putus dos sehingga mampu melakukan jenayah seperti membunuh.
- 3) Penagih yang telah dan sentiasa ke arah mencapai capaian dos yang lebih tinggi.
- 4) Penagih yang telah menagih melebihi tempoh dua tahun.
- 5) Penagih yang gagal dalam rawatan pemulihan.

Tempoh rawatan dengan methadone pada dasarnya bergantung kepada metabolisme pesakit dadah itu sendiri. Ia merupakan rawatan jangka pendek yang

²⁵⁷ Kementerian Kesihatan Malaysia (2005), *op.cit.*

bertujuan untuk mengurangkan simptom tarikan pesakit berkenaan di samping ia juga merupakan rawatan jangka masa panjang.

Sesuatu yang penting dalam rawatan methadone ialah cara pengambilan methadone. Terdapat dua cara pengambilan methadone iaitu:

1) Secara *Directly Observed Therapy* (DOT)

Pengkaji menterjemahkan *Directly Observed Therapy* atau ringkasannya DOT iaitu Terapi Pantauan Secara Terus. Cara ini adalah cara yang perlu dilakukan oleh pesakit pada setiap hari dimana pengambilan methadone oleh pesakit adalah dihadapan pengendali rawatan seperti doktor atau pegawai farmasi. Dengan kata lain, pesakit perlu meminum dan menghabiskan dosej di hadapan pengendali rawatan. Pihak pengendali rawatan pula akan memastikan dosej tersebut habis diminum di hadapan mereka dengan cara pesakit perlu menjawab soalan atau diajak berbual atau sebagainya agar pesakit bercakap selepas mereka meminum ubat tersebut. Cara ini adalah cara paling efektif untuk memastikan methadone telah habis ditelan oleh pesakit. Dalam masa yang sama, pengambilan dos berdasarkan perkembangan kesihatan dan apa yang berkaitan setiap hari perlu diambilkira serta dipantau oleh pengendali rawatan dengan cara menulis rekod dosej harian, perkembangan dan permasalahan kesihatan dan catatan-catatan yang dirasa perlu²⁵⁸.

2) Secara dos dibawa pulang.

Bekalan dos dibenarkan kepada pesakit untuk dibawa pulang. Ini bererti mereka boleh mengambil methadone di rumah secara sendirian tanpa pengendali rawatan di hadapan mereka. Walau bagaimanapun, cara ini adalah berdasarkan rekod perkembangan pesakit yang hanya sudah mencapai tahap yang stabil.

Perlu diketahui bahawa Malaysia hanya mengamalkan pengambilan dos methadone berbentuk cecair. Ini bererti ianya adalah berbentuk *Concentrate Methadone*

²⁵⁸ National Policy And Standard Operating Procedures For Methadone Maintenance Therapy (2005), *op.cit.*, h. 5. <http://dph.gov.my/ncd/midst>. 14 April 2007.

atau pekatan methadone yang dicairkan dengan air kosong. Pilihan pekatan sirap methadone yang manis rasanya adalah penting kerana ia akan menjadi arang apabila dibakar sekiranya penagih menyalahgunakan methadone²⁵⁹. Dos dikeluarkan secara berpreskripsi oleh mereka yang pakar, bertauliah dan diiktiraf. Sebarang penambahan atau pengurangan dos methadone adalah berdasarkan pantauan dan perkembangan terhadap pesakit yang direkodkan setiap hari, minggu dan bulan oleh pihak perawat.

Oleh yang demikian itu, rawatan terapi methadone ini dibenarkan dan hanya boleh dikendalikan oleh kumpulan administrasi perubatan rawatan methadone yang khusus yang terdiri dari pakar-pakar sehinggalah kakitangan yang telah dilatih khusus dan diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia²⁶⁰.

4.1.4 PENILAIAN BERKAITAN KANDUNGAN SEDIAAN *METHADONE* DARI PERSPEKTIF ISLAM

Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Puan Che Zuraini Sulaiman, seorang Pegawai Farmasi Pusat Perubatan Universiti Malaya bahawa negara Malaysia masih merujuk teknologi farmasieutikal dari luar negara. Ubatan-ubatan di negara ini ada yang diambil terus dari luar negara dan ada juga bahan-bahannya sahaja yang diimport²⁶¹.

Apabila dilihat berdasarkan pembuatan bahan aktif methadone, beliau menyatakan bahawa serbuk zat kimia aktif methadone juga diperolehi dari luar negara²⁶². Penyediaannya adalah secara makmal di mana formulanya dipatenkan. Untuk memahami proses sediaan *methadone hydrochloride* perlu melalui dua proses umum sepertimana dalam rajah 4.2 di bawah:


²⁵⁹ Temubual bersama Dr. Rusdi Rasyid, *op.cit.*

²⁶⁰ National Policy And Standard Operating Procedures For Methadone Maintenance Therapy (2005), *op.cit.* <http://dph.gov.my/ncd/midst>. 14 April 2007.

²⁶¹ Ada ubatan di Malaysia mengimport terus ubatan yang telah siap disediakan, ada juga ubatan yang bahan aktif sahaja diimport dan kemudian dikilangkan di Malaysia dan ada pula ubat yang disediakan sepenuhnya di Malaysia. Temubual bersama Puan Che Zuraini bt. Sulaiman. Pegawai Farmasi U48 Pusat Perubatan Universiti Malaya, Temubual pada 27hb Februari 2009 hari Jumaat jam 2.15 tengahari di Pusat Farmasi PPUM.

²⁶² *Ibid.*

Rajah 4.2: Proses sediaan *methadone hydrochloride*



Kandungan bahan tidak aktif pula terdiri dari pengawet, agen pewarna, pengental, perisa-perisa seperti pemanis, sirap perasa, minyak aromatik dan perasa sintetik²⁶³. Kedua-dua bahan tersebut dicampur dan diproses untuk menghasilkan satu sediaan ubatan methadone. Pengkaji mendapatkan contoh-contoh kandungan pekatan methadone (*methadone concentrate*) mengikut beberapa pengeluar luar negara sepertimana di Jadual 4.1. untuk dinilai kandungannya.

Berdasarkan dari jadual di 4.1 tersebut, dapat dilihat dan dinilai kandungan methadone berdasarkan perspektif Islam. Sehubungan dengan itu, kandungan tersebut perlu mengikut prinsip atau garis panduan ubat-ubatan sebagaimana yang telah digariskan. Apa yang perlu dititikberatkan ialah sumber ubat-ubatan perlulah diambil dari bahan-bahan halal yang mana ianya berteraskan al-Quran, al-Hadith, al-Ijmak dan al-Qias dengan berpandukan mazhab Syafie atau undang-undang dalam mana-mana mazhab samada mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali. Sehubungan dengan itu, pengkaji menilai kandungan methadone tersebut sebagaimana yang akan diperbincangkan di tajuk kecil 4.1.4.1 dan 4.1.4.2. berikut.

²⁶³ Yvonne Tze Fung Tan (2000), *op.cit.* 55-58.

Jadual 4.1: Contoh Bahan Tidak Aktif Sirap Methadone *Oral* Mengikut Pengeluar.

NAMA PENGELUAR	PENGELUAR 1. (Malaysia) ²⁴⁷	PENGELUAR 2. (VistaPharm-U.S.A) ²⁴⁸	PENGELUAR 3. (Mallinkrodt-U.S.A) ²⁴⁹		PENGELUAR 4. (GlaxoSmithKline-Australia) ²⁵⁰
BENTUK DOS:	Methadone Syrup	Meth. Hydrochloride Oral Concentrate USP	Methadose Oral Concentrate:	Methadose Sugar-Free Oral Concentrate:	Methadone Syrup:
METH. HCl.*	5 mg setiap 1 mL	10 mg setiap 1 mL	10 mg setiap 1 mL	10 mg setiap 1 mL	5 mg setiap 1 mL
PERASA:	-	tiada dinyatakan hanya ditulis Flavor	Artificial Cherry Flavor	-	Flavor Pharmaceutical 503.978/A
PERISA ASID:	-	-	Citric Acid Anhydrous USP	Citric Acid Anhydrous USP	-
PEWARNA:	-	D&C Red no.33	D&C Red no.33	-	Caramel
		FD&C Red no.40	FD&C Red no. 40	-	-
PENGAWET,	-	Potassium Sorbate	Methylparaben NF	-	-
EMULSI,	-	Sorbic Acid	Propylparaben NF	-	-
ANTI BEKU,	Sodium Benzoate		Sodium Citrate Dihydrate USP	Sodium Benzoate NF	Sodium Benzoate
PELARUT.	-	Glycerin**	-	-	Glycerol**
		Propylene Glycol* *	Propylene Glycol* *USP	-	-
		Polaxamer 188	Polaxamer 407 NF	-	-
PEMANIS:	Sodium Saccharin	Sucrose	Sucrose NF	-	Sorbitol Solution 70% (non-crystallising)
PELARUT:	-	Purified Water	Purified Water USP	Purified Water USP	Water-Purified
PELARUT/ PENGAWET:	-	-	-	-	Ethanol** *

Sumber: http://www.vistapharm.com/methadone_concentrate., <http://www.dailymed.nlm.nih.gov/dailymed/druginfo>,
<http://www.mater.org.au.pharm>.

*Bahan Aktif .

* *Bersumberkan dari binatang atau tumbuhan.

** Bersumberkan dari tumbuh-tumbuhan dan melalui proses pemeraman dan fermentasi (penapaian).

²⁴⁷ Kajian methadone yang digunakan di salah sebuah pusat DST methadone di Malaysia. Di mana methadone tersebut dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, nama pengeluar tidak dapat dinyatakan di sini di atas nasihat pihak tertentu.

²⁴⁸ http://www.vistapharm.com/methadone_concentrate. 14 September 2008.

²⁴⁹ <http://www.dailymed.nlm.nih.gov/dailymed/druginfo>. 14 September 2008.

²⁵⁰ <http://www.mater.org.au.pharm>. 14 September 2008.

4.1.4.1 Penilaian Berkaitan Kandungan Dari Sumber Haram

Ayat Al-Quran banyak menjelaskan berkenaan umat Islam hanya dibenarkan memakan dari sumber binatang yang halal dan disembelih dengan menyebut nama Allah sahaja. Di samping itu, terdapat juga hadis Rasulullah yang menjelaskan arak tidak berperanan sebagai ubat tetapi hanyalah sebagai punca penyakit.

Firman Allah:

فَكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ بِعَايَدْتِهِ مُؤْمِنِينَ

Ertinya: Maka makanlah binatang-binatang (yang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, jika kamu beriman kepada ayat-ayatnya.²⁸⁵

Surah al-An'am (6):118

Firman Allah:

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَضَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ

Ertinya: Mengapa kamu tidak mahu memakan (binatang-binatang yang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal sesungguhnya Allah telah menjelaskan kepada kamu apa yang diharamkan ke atas-Nya.²⁸⁶

Surah al-An'am (6): 119

Firman Allah:

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ لَبُؤْسٌ إِلَىٰ أَوْلِيَآئِهِمْ لِيَجْذِلُوا كُفْرَكُمْ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ

Ertinya: Dan janganlah kamu memakan binatang yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelihnya,²⁸⁷

Surah al-An'am (6): 121

Firman Allah:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَالْحَمَّ الْخَنِزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ

Ertinya: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan

²⁸⁵ Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif (1418), *op.cit.*, h. 207.

²⁸⁶ *Ibid.*

²⁸⁷ *Ibid.* h. 208.

bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah.²⁸⁸

Surah al-Baqarah (2): 173

Firman Allah:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخَنزِيرِ وَمَا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ
وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا
ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ



Ertinya: Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging haiwan) yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan yang diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu menyembelihnya²⁸⁹.

Surah al-Maidah (5) : 3

Daripada Hadis Rasulullah:

Tariq bin Suwaid Al-Ja'fi telah bertanya kepada Nabi tentang arak yang digunakan untuk berubat. Lalu Rasulullah berkata:

إنها ليست بدواء ولكنها داء²⁹⁰

Ertinya: Sesungguhnya ia bukanlah ubat tetapi ianya adalah penyakit.

Berdasarkan penelitian setiap satu ramuan lengkap bahan tidak aktif pekatan methadone (*methadone concentrate*) di Jadual 4.1, pengkaji mendapati bahan yang diambil daripada sumber binatang adalah gliserin (*Glycerin*)²⁹¹ juga disebut gliseril (*glyceril*) atau gliserol²⁹² (*glycerol*) dan bahan yang bersumberkan alkohol adalah etanol. Ini adalah kerana kedua-dua bahan ini amat luas penggunaannya dalam kebanyakan ubat berbentuk sirap.

i- Gliserin²⁹³/ gliseril/ gliserol²⁹⁴ .

²⁸⁸ *Ibid.* h. 42.

²⁸⁹ Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif (1418), *op.cit.*, h. 157

²⁹⁰ Abi al-'Ula Muhammad 'Abd al-Rahman ibn 'Abd al- Rahim Mubar Kafuri, (t.t), *op.cit.* 6 j. Bab Al-Tib, no. hadis: 2119, h. 168.

²⁹¹ Juga disebut *Glicerol*.

²⁹² *Glycerol* juga dikenali sebagai *glycerine* atau *glycerin*. Ia berperanan sebagai bahan tambahan dalam proses suatu sediaan (*food additive*), ia juga dikenali dengan E422.

²⁹³ kandungan bahan tidak aktif dalam ubat sirap methadone yang dikeluarkan oleh VistaPharm, Largo, Florida di http://www.vistapharm.com/methadone_concentrate, September 14, 2008.

Menurut seorang professor biokimia dan pemakanan Professor Dr. Ahmad H. Sakr di dalam bukunya *A Muslim Guide To Food Ingredients* yang diterbitkan oleh *The Islamic Food And Nutrition Council of America* dan *Pork Possible Reasons For Its Prohibition*²⁹⁵, sebatian kimia glycerol dikenali juga sebagai glycerin merupakan bahan cecair yang jernih, tidak berwarna, manis dan likat yang diperolehi daripada hidrolisis lemak dan minyak (lipid). Bahan ini juga diperolehi daripada proses-proses saponifikasi lemak dan minyak tetap²⁹⁶. Penghasilan lemak dan minyak ini diambil daripada sumber haiwan. Bahan ini menjadi agen pemanis dan agen pelarut yang menjadikan makanan dan bahan farmaseutikal penting sebagai pelarut, pelembab dan pelunak²⁹⁷. Dengan kata lain, ianya adalah agen pengemulsi²⁹⁸ yang mampu memberi dan mengekalkan kekentalan makanan²⁹⁹. Penggunaan agen ini amat luas penggunaannya dalam formulasi farmaseutikal.

Persoalan yang timbul ialah adakah sumber gliserol tersebut diambil dari binatang yang halal dimakan dan persoalan kedua sekiranya ia halal adakah cara penyembelihannya bertepatan dengan lunas Islam sebagaimana yang dikehendaki di dalam ayat-ayat Al-Quran sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini.

Ternyata di dalam al-Quran telah menjelaskan haram memakan babi dan bersumberkan darinya dan ianya adalah jelas. Di samping itu, ayat di atas menjelaskan bahawa binatang yang tidak disembelih atau tidak menuruti ciri dan syarat-syarat sembelihan juga termasuk haram dan berstatus bangkai. Adalah tidak mustahil sekiranya gliserol bersumberkan dari bahan yang jelas haram secara mutlak seperti babi

²⁹⁴ kandungan bahan tidak aktif dalam ubat sirap methadone yang dikeluarkan oleh GlaxoSmithKline Australia tahun 2003 di <http://www.mater.org.au/pharm> September 14, 2008.

²⁹⁵ Ahmad H. Sakr (1991), *Pork Possible Reasons For Its Prohibition*, Illinois: Foundation For Islamic Knowledge, h. 10-13. <http://en.wikipedia.org/wiki/Glycerol>. Januari 16, 2009.

²⁹⁶ *Ibid.* A S Hornby (2010), *Oxford Advance Learner's Dictionary of Current English* (8th Ed), Oxford: Oxford University Press, 638.

²⁹⁷ Ahmad H. Sakr (1993), *A Muslim Guide To Food Ingredients*, Illinois: Foundation For Islamic Knowledge, h 111. <http://en.wikipedia.org/wiki/Glycerol>. pada tarikh Januari 17, 2009.

²⁹⁸ Yvonne Tze Fung Tan (2000), *Praktis Farmasi 1*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 56.

Ahmad H. Sakr (1993), *op. cit.*, h.62

²⁹⁹ *Ibid*

atau ia juga boleh bersumberkan dari kumpulan najis 'ain iaitu jenis bangkai haiwan darat yang mengalir darahnya dan suci ketika hidup tetapi tidak disembelih mengikut ketetapan syarak.

Najis 'ain (النجاسة العينية) iaitu 'ain sesuatu itu yang bernajis. Ianya haram dimakan berbeza dengan sesuatu yang terkena najis (*al-mutannajjis*). Terdapat dua cara *al-mutannajjis* boleh menjadi suci dan hilang status pengharamannya iaitu dengan cara membasuh atau *al-mutannajjis* tersebut berubah dengan sendirinya³⁰⁰.

Zat najis 'ain contohnya daging, tidak boleh disucikan, kecuali melalui *istihalah* atau pengkaji menterjemahkannya sebagai transformasi atau *denature*³⁰¹ najis iaitu perubahan najis secara kimia yang merubah secara total najis tersebut yang menyebabkan najis ini menjadi satu bahan yang lain. Walau bagaimanapun, pandangan ini adalah pandangan jumhur fuqaha berlainan dengan pandangan mazhab Hanbali bahawa *istihalah* tetap tidak merubah bahan tersebut ke status suci³⁰².

Oleh yang demikian itu, status sumber gliserol, gliserin, menimbulkan keraguan sekiranya berdasarkan pandangan mazhab Hanbali dan ia membawa kepada status syubhat kecuali kita mengetahui dan diberi maklumat berkenaan ia bersumberkan binatang halal dan cara sembelihan menepati status halal dimakan. Manakala ia menjadi tidak halal dari pandangan jumhur fuqaha sekiranya *istihalah* berlaku hanya sebahagian daripada najis 'ain tersebut; dengan kata lain perubahan tidak secara total.

ii- *Ethanol*³⁰³

³⁰⁰ Muhammad Sulaiman al-Asyqar (2001), *op.cit.*, h. 94-95, 101.

³⁰¹ iaitu menyahaslika atau mengubah sifat semulajadi dengan memasukkan sebatian yang lain. contoh boleh dilihat pada perbincangan penghasilan etanol secara industri.

³⁰² Muhammad Sulaiman al-Asyqar (2001), *op.cit.*

³⁰³ kandungan bahan tidak aktif dalam ubat sirap methadone yang dikeluarkan oleh GlaxoSmithKline Australia tahun 2003 sebagaimana sama di nota kaki diatas.

Ethanol atau etanol³⁰⁴ juga banyak digunakan dalam ubat-ubatan berbentuk cecair terutama sirap. Etanol adalah dari kumpulan alkohol yang berperanan sebagai pengawet³⁰⁵ dan pelarut³⁰⁶ dalam ubat-ubatan dan farmaseutikal. Etanol atau *Ethyl alcohol* boleh diperolehi melalui dua proses utama iaitu melalui proses hidrasi etelena (*hydration of ethylene*) dan fermentasi gula atau disebut penapaian gula³⁰⁷.

Hidratan etelena merupakan satu cara paling utama dalam pengeluaran etil alkohol secara industri. Industri etanol dikilangkan melalui pemangkinan asid hidratan etelena melalui penggunaan *zeolites* atau *silica aerogels* yang "disenyawakan" dengan fosforik atau asid tungstic. Setelah alkohol dihasilkan, etanol betul-betul berguna khususnya dalam aplikasi perindustrian kerana etanol mempunyai tarikan yang kuat dengan air dan sebatian organik³⁰⁸. Perlu diketahui bahawa pengeluaran etanol secara industri mampu menjadi sumber terbesar kepada alkohol minuman³⁰⁹.

Walau bagaimanapun, pengeluarannya akan menjadi satu kesalahan dan berstatus *illegal alcohol* kerana kebiasaannya ia menyalahi undang-undang mengikut satu-satu negara. Oleh yang demikian itu, pihak kilang menyahaslikan atau mengubah sifat semulajadi alkohol tersebut dengan cara *denature*. *Denature* yang dilakukan iaitu melalui satu proses mencampurkan sebatian lain terhadap etanol untuk menjadikan ia tidak sesuai dalam penggunaan terutama untuk diminum. Proses *denature* menjadikan rasa dan bau etanol tidak menyenangkan. Kebanyakannya menjadi dan mengeluarkan warnanya yang tersendiri. Sebahagiannya pula bahan-bahan yang dicampurkan bertoksik dan mengeluarkan gangguan gastrik ketika memakannya dan; atau

³⁰⁴ *Ethanol* adalah nama yang lebih saintifik. Ia juga dikenali sebagai *ethyl alcohol*. Di dalam bahasa arab dikenali juga dengan غول / غولي.

³⁰⁵ Yvonne Tze Fung Tan (2000), *op.cit.*, h. 57

³⁰⁶ Dr. Francis Brinker N.D. The Importance of Alcohol In Medicine dalam <http://.healthy.net/scr/article>. November 29, 2008. Tulisan Dr. Bohari Mohd Yatim "Alkohol Sebagai Bahan Kimia Dan Kegunaannya Dalam Kehidupan" dari Jabatan Kimia, Fakulti Sains Fizik Dan Gunaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam (1998), *Isu-Isu Syariah Dan Undang-Undang Siri Kumpulan Kertas Kerja*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.h.40.

³⁰⁷ Dr. Bill Bogan <http://chemcases.com/alc/alc-03.htm>. November 29, 2008.

³⁰⁸ *Ibid.*

³⁰⁹ *Ibid.*

mengundang simptom lain. Sejumlah besar dari pelbagai hasil *denature* termasuk *amyl alcohol*, *methyl alcohol*, *buthyl alcohol*, *methyl isobutyl ketone*, *pyronate*, *kerosene*, *acetone*, *turpentine* dan pelbagai lagi³¹⁰.

Produk farmaseutikal yang terhasil dari pengeluaran etanol secara industri ialah pembasmi kuman, *alcohol swab* (pengelap beralkohol), pencuci mulut, minyak wangi, deodarant dan kosmetik, produk pembuatan bahan kimia seperti cairan pembersih rumah, dan kereta, lilin, sarung tangan getah, laker (*lacquer*) iaitu pengilat logam dan kayu, pelarut contohnya untuk pengeluaran cat, bahan cetak dan alat tulis seperti dakwat, pen marker dan sebagainya. Ini bererti etanol secara industri menghasilkan produk penggunaan luaran.

Cara kedua pula ialah fermentasi gula atau penapaian yang merupakan cara utama penghasilan alkohol minuman. Kesemua alkohol minuman dan kebanyakannya melalui fermentasi pelbagai bahan semulajadi seperti gula tebu (*cane sugar molasses*), bijirin, kentang, jus buahan, ubi dan lain-lain.

Sebagaimana sedia maklum, alkohol tidak semestinya arak kerana arak terangkum sebatian-sebatian yang lain seperti etanol dan butanol. Walau bagaimanapun arak dikategorikan alkohol kerana kandungan arak mempunyai unsur dan sebatian alkohol. Dengan kata lain, alkohol adalah ruh arak³¹¹.

Penggunaan alkohol, ethyl alcohol atau etanol adalah kedua penting selepas air sebagai pelarut ubat-ubatan. Ia juga digunakan secara khusus untuk mengekstrak jujuk-jujuk aktif daripada bahagian-bahagian lengai drug yang kasar. Pekatan campuran atau sebatian aktif ini secara perubatannya akan menjadikan ubat lebih mudah didispense dan dimakan juga memperelokkan dan memperbaiki penyerapannya³¹².

³¹⁰ *Ibid.*

³¹¹ Jamil Muhammad b Mubarrak (1988), *Nazariah al-Darurah al-Syari'ah Hududuha wa Dawabituha*, Mansurah: Dar al- Wafa', h. 432

³¹² Francis Brinker N.D, *op.cit.*

Di samping itu, Francis Brinker dalam artikelnya menyatakan bahawa Geber (Al-Jabir) dan Rhazes (Al-Razi) adalah individu-individu yang memajukan proses penyulingan alkohol. Ia digunakan dalam pekatan alkohol yang digunakan dalam *anaesthetic* (ubat bius). Abulcasis (Ibnu Sina) pula adalah individu yang menghuraikan penggunaan alkohol sebagai pelarut dalam *drug*³¹³.

Dalam penilaian pakar fiqh Islam, penggunaan alkohol dalam perubatan adalah harus (dibolehkan) sekiranya seseorang itu terdesak atau memerlukan dan dalam masa yang sama tidak wujud ubat yang lain. Sehubungan dengan itu, satu fatwa telah dikeluarkan di dalam persidangan yang membincangkan berkenaan bahan-bahan haram dan najis yang digunakan dalam makanan dan perubatan di Kuwait pada 22 dan 24 Mei 1995. Ia menyatakan bahawa alkohol adalah suatu yang tidak najis berdasarkan syarak. Ini adalah kereana apabila dilihat dari segi pembuatan asalnya adalah daripada sesuatu yang suci. Berbeza dengan arak atau mana-mana bahan yang memabukkan, ianya tergolong dalam kumpulan najis maknawi bukan hissi.³¹⁴

Dalam perbahasan hukum berkaitan penggunaan ubat-ubatan yang mengandungi alkohol ada dibincangkan dalam Fiqh Perubatan di Kuwait pada tahun 1997. Sehubungan dengan itu, Muhammad Sulaiman Al-Ashqar ada menjelaskan bahawa hukum tidak harus (tidak dibolehkan) minum atau makan ubat-ubatan yang mengandungi alkohol kecuali berhadapan dengan keadaan terdesak atau terlalu memerlukan untuk melawan kesakitan atau meringankan rasa sakit. Keadaan ini diharuskan secara bersyarat yang mana bahan kimia tersebut diambil sedikit dan tidak memabukkan dan tidak wujud ubat lain sebagai pilihan. Penggunaan ubat-ubatan tersebut juga perlulah dengan seliaan doktor yang beragama Islam³¹⁵.

³¹³ *Ibid.*

³¹⁴ 'Ali Mahy al-Din al-Qurrah Daghi (2008), *Fiqh al-Qadaya al-Tibbiyyah al-Mu'asirah*, c.3. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah, h. 236.

³¹⁵ Muhammad Sulaiman al-Asyqar (2001), *op.cit.*, h. 123.

Begitu juga perbincangan berkenaan ethyl alkohol dalam mesyuarat penetapan bilangan (11) di Majlis Persidangan Fiqh Islam ke-3 pada bulan Oktober di Jeddah menetapkan bahawa pesakit beragama Islam hanya boleh mengambil ubat-ubatan yang mengandungi alkohol apabila sukar mendapatkan ubat-ubatan yang sifar alkohol. Namun, pengambilan ubat-ubatan ini perlulah dibawah pantauan doktor yang boleh dipercayai dan seorang yang jujur dalam profesionnya³¹⁶.

4.1.4.2 Penilaian Berkaitan Bahan Yang Memudaratkan

Dalam perbincangan ini, pengkaji membahagikan kepada dua bahagian mudarat iaitu racun dan mudarat secara mengganggu fikiran atau hilang kewarasan akal. Ini adalah kerana dua faktor ini penting untuk diperbincangkan dalam kaitannya dengan methadone:

i- Racun

Methadone terdiri daripada dua bahan utama iaitu bahan aktif dan tidak aktif. Nusaibah Mahmud 'Abdullah al-Bakhit meletakkan ubat-ubatan yang menggunakan unsur *drug* adalah ubatan beracun³¹⁷. Berdasarkan kepada pengertiannya, racun atau **السم** ialah setiap sesuatu bahan yang membunuh³¹⁸.

Menurut Abd al-'Azim Samur Salhab *et.al* dalam bukunya *'Ilm al-Sumum al-Hadith* dan Samir Ghazi al-Qamaz dalam bukunya *al-Sumum* mentakrifkan **السم** dari segi istilah iaitu bahan kimia atau bahan fizik yang mempunyai keupayaan menjadi penyebab kemudaratan atau maut dalam sistem biologi³¹⁹.

³¹⁶ Khalid Abu Zaid al-Tamawi(2007), *Fiqh al-Saidali al-Muslim*, Riyadh: Dar al-Sami'i, h. 86.

³¹⁷Nusaibah Mahmud 'Abdullah Al-Bakhit (2009), *Al-Ahkam Al-Muta'alliqah Bi As-Sumum*, Amman: Dar al-Nafais, h.60.

³¹⁸ Ahmad Muhammad Kan'an (2000), *al-Mausu'ah al-Tibbiyah al-Fiqhiyyah*, Beirut: Dar al-Nafais, h. 569. Mahmud Abdul Rahman Mun'im (1999), *Mu'jam al-Mustalahat wa Alfaz al-Fiqhiyyah*, j.2, Kaherah: Dar al-Fadilah, h. 295. Wizarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah (1992), *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, j.25, cet.4, Kuwait: Dar al-Safwah, h. 255

³¹⁹ Nusaibah Mahmud 'Abdullah al-Bakhit(2009), *op.cit.*, Amman: Dar an-Nafais, h.18.

Kesemua pakar-pakar fiqh bersependapat meletakkan hukum haram dalam penggunaan bahan beracun yang membunuh tanpa wujudnya sebarang keperluan. Ini adalah kerana mereka berdalilkan kepada dua ayat al-Quran iaitu:

Firman Allah:

ولا تلقوا بأيديكم الى التهلكة

Ertinya: Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan³²⁰.

Surah al-Baqarah (2): 195

Firman Allah:

ولا تقتلوا أنفسكم

Ertinya: Dan janganlah kamu membunuh dirimu³²¹.

Surah an-Nisaa' (4): 29

Kedua-dua ayat di atas menjelaskan bahawa haram melakukan setiap perkara yang membinasakan diri sendiri, larangan membunuh diri sendiri dan sengaja mendatangkan keburukan kepada diri sendiri. Mandi junub pada musim sejuk yang keterlaluan yang boleh memudaratkan kesihatan juga termasuk التهلكة iaitu kebinasaan sebagaimana Rasulullah menegur 'Amru bin al-'As agar hanya bertayammum menggantikan mandi³²². Apalagi memakan makanan yang beracun boleh membawa kebinasaan, kemudaratan kesihatan, merosakkan diri dan mampu membawa kematian. Oleh yang demikian itu, ianya tidak halal dimakan.

Rasulullah telah menyatakan bahawa:

نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن الدواء الخبيث يعني السم³²³

Ertinya: Rasulullah S.A.W menegah berubat dengan yang kotor iaitu racun.

Hadith di atas menjelaskan bahawa keji, kotor atau tidak menyenangkan ubat yang beracun disebabkan najis iaitu dimasukkan benda-benda haram seperti *al-khamr*

³²⁰ Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif (1418), *op.cit.*, h.47.

³²¹ *Ibid.*, h.122.

³²² Abi al-Fida' al-Hafiz Ibn Kathir al-Dimasyqa, *Tafsir Al-Quran al-'Azim*, j. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 469.

³²³ Abi al-'Ula Muhammad 'Abd al-Rahman Ibn Abd al-Rahim al-Mubar Kafuri(t.t), *op.cit.*, Kitab *al-Tib*, Hadis 2118, j. 6, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 167. Muhammad Syams al-Haq al-'Azim al-Abadi, *'Awn al-Ma'bud*, Kitab al-Tib, Hadis 3866, j. 10, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 252.

(arak) atau pelbagai lagi dari daging haiwan yang tidak boleh dimakan dagingnya kecuali dikhususkan oleh Rasulullah kelonggaran meminum air kencing unta sebagai ubat³²⁴.

Racun dihukumkan haram dimakan kerana ia memberi kesan memudaratkan, merosakkan tubuh badan dan membawa kematian. Mawardi menjelaskan bahawa racun mempunyai empat faktor;

- 1) Racun yang dimakan sedikit atau banyak boleh membunuh.

Para fuqaha' bersependapat menyatakan bahawa diharamkan makan racun untuk berubat atau lain-lain kegunaan dimana kita mengetahui bahawa racun tersebut sememangnya akan membawa maut.

Hujah ini diperkuatkan dengan ayat al-Quran Surah al-Baqarah ayat 195 sebagaimana pengkaji telah menyentuhnya sebelum ini yang menjelaskan tentang jangan mencampakkan diri ke arah kebinasaan. al-Tabari menyatakan bahawa pengharaman perbuatan ini adalah berdasarkan kemusnahan diri yang bakal berlaku³²⁵.

- 2) Racun yang dimakan banyak akan membunuh tetapi sekiranya diambil dengan sedikit sebaliknya.

Oleh yang demikian itu, racun yang dimakan banyak yang membawa kematian haram digunakan untuk merawat. Pengambilan yang sedikit yang boleh membawa manfaat diharuskan dalam pengubatan.

- 3) Racun yang kebanyakannya membawa kematian adalah mengikut hukum kedua diatas.

Maksud faktor di atas ialah sekiranya racun tersebut digunakan dengan banyak akan membunuh maka ia diharamkan. Manakala diharuskan penggunaannya berdasarkan ia memberi manfaat dalam pengubatan dan tidak membawa kematian jika dimakan sedikit.

³²⁴ al-Mubara Kafuri(t.t),*op.cit.* Syams al-Haq al-'Azim al-Abadi, *ibid*, h. 252-253.

³²⁵ Nusaibah Mahmud 'Abdullah al-Bakhit(2009), *op.cit.*, h. 72

- 4) Racun yang kebiasaannya tidak membawa kematian maka diharuskan walaupun terdapat kes yang membawa kematian.

Imam Syafi'e menerangkan bahwa sebahagian dari kalangan sahabat meletakkan kedudukan pengharusan dan pengharaman menggunakan racun tersebut dalam dua keadaan:

- a) Harus; sekiranya untuk penguabatan
- b) Haram; sekiranya tidak ada manfaat dalam penguabatan.³²⁶

Pandangan imam-imam di atas amatlah bersesuaian dengan masa kini dan ia terus diaplikasikan sebagaimana prinsip, hakikat, kebaikan dan keburukan *drug* yang dinyatakan oleh William Whitering, 1789 berkenaan *drug*³²⁷ yang mana ia mudah difahami sehingga kini iaitu;

*"Racun dalam dos yang kecil adalah drug yang paling baik;
dan drug yang berguna dalam dos yang terlalu besar adalah beracun"*³²⁸

Di dalam perbincangan ijtihad berkenaan Fiqh Perubatan di Kuwait tahun 1997, status ubat yang beracun juga termasuk setiap yang mengandungi bahan kimia termasuk tumbuhan, hidupan, ikan dan ubatan yang didispense yang beracun.

Walaupun bagaimanapun, haram yang dimaksudkan di sini bukanlah bermakna haram mengambil bahan berkenaan secara mutlak samada sedikit ataupun banyak, tetapi haram yang dimaksudkan ialah pengambilan dalam kadar yang memudaratkan. Oleh yang demikian itu, tidak diharamkan memasukkan racun atau pada pandangan pengkaji iaitu *drugs*³²⁹, ke dalam ubat dengan kadar yang dimaklumi melalui kajian, ujian dan percubaan sebelumnya. Malahan ia dilakukan oleh pakar yang professional yang mengetahui bahawa ianya bermanfaat dan tidak memudaratkan di samping ianya

³²⁶ al-Mubar Kafuri(t.t), *op.cit.*, h. 167

³²⁷ Pengkaji menterjemahkan istilah drug di sini ialah ubatan klinikal agar mudah difahami oleh orang awam.

³²⁸ D.R.Laurence *et al.*(2001), *op.cit.* h. 1. Pandangan pengkaji prinsip di atas sememangnya bersesuaian sehingga kini.

³²⁹ Drugs iaitu bahan kimia aktif yang diproses secara makmal yang menjadi bahan utama dalam ubatan hospital/klinikal.

dilakukan di dalam keadaan yang sentiasa berhati-hati dan yang sepatutnya. Jelaslah bahawa haram yang dimaksudkan ialah mengambil dengan kadar yang memudaratkan sahaja. Ianya adalah pandangan mazhab Maliki serta mazhab Hanbali yang selaras dengan kaedah fiqh³³⁰.

Di dalam Kitab *Raudhah al-Talibin*, Imam Nawawi menjelaskan bahawa setiap yang suci yang tidak mudarat maka ia dihukum halal untuk dimakan kecuali kotoran yang suci seperti mani dan hingus. Ia dihukumkan sebagai haram secara soheh³³¹. Beliau menghukumkan bahawa harus meminum ubat yang mengandungi racun yang secara kebiasaannya dan secara terang-terangan selamat apabila diminum dan pada masa yang sama individu tersebut memerlukannya.

ii- Kesan Mengganggu Fikiran Atau Menjejaskan Kewarasan Akal.

Imam al-Sanhaji atau lebih dikenali dengan al-Qarafi al-Maliki yang wafat pada tahun 684 hijrah bersamaan 1285 masehi di dalam kitab *al-Furuqnya* memberi perbezaan antara menidurkan (مرقد), memabukkan (مسكر), dan merosakkan (مفسد). Perbezaan antara ketiga-tiga istilah tersebut adalah berkaitan dengan hilangnya rasa sedar pada akal atau hilang rasa sedar pada pancaindera (الحواس)³³².

Sanhaji menjelaskan bahawa pengertian مرقد ialah yang menidurkan. Pengertian ini berkaitan dengan sesuatu yang berperanan sebagai penghilang rasa sedar kepada pancaindera seperti mendengar, melihat, menyentuh, menghidu dan merasa (untuk makan). Contohnya tumbuhan بنج dan افيون³³³ merupakan tumbuhan yang mampu menghilangkan rasa sedar. Individu yang mengambil tumbuhan ini, tidak dikenakan hukuman di samping ianya tidak dikira najis. Ia banyak digunakan dalam perubatan terutama pembedahan sebagai penahan sakit sejak dahulu lagi.

³³⁰ Sulaiman Asyqar(2001), *op.cit.*, h. 101.

³³¹ Abi Zakaria Yahya b Syarfi Al-Nawawi al-Dimasyqi (1992),*op.cit.*, 2 j, h. 548

³³²Shahabuddin Aba al-'Abbas al-Sanhaji al-Qarafi (t.t), *op.cit.*, j.1, Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 217.

³³³ *Ibid.* Kedua-duanya adalah sama peranannya iaitu sebagai anaestisia atau ubat bius. Keduanya telah digunakan dalam perubatan Mesir dahulukala.

Manakala pengertian مسكر menurut Sanhaji lagi ialah yang memabukkan. Pengertian ini berkaitan dengan sesuatu yang menyebabkan seseorang itu hilang kesedaran akal dan pada masa yang sama ia menjadikan seseorang itu mabuk (نشوة), rasa seronok, kekuatan diri dan perasaan berani semakin meningkat, cenderung kepada keganasan dan permusuhan. Namun, pada masa yang sama مسكر tidak melenyapkan rasa kesedaran kepada pancaindera. Dengan kata lain, deria pancaindera mereka tetap berfungsi. Ternyata مسكر hanya mempengaruhi akal. Contohnya arak dan beer.

مفسد pula ialah sesuatu yang merosakkan. مفسد mempengaruhi akal dengan cara mengganggu, mengelirukan akal atau menggagalkan pemikiran dari berfikir tetapi tidak memabukkan. Kebiasannya, مفسد tidak mendatangkan rasa keseronokan dan tidak meningkatkan tahap kekuatan seseorang. Contohnya tumbuhan الحشيشة³³⁴, سيكران³³⁵. Pada pandangan pengkaji, سيكران menjadi مفسد sekiranya pengambilannya adalah banyak. Ia akan bertukar menjadi مرفد apabila pengambilannya sedikit dan dipantau seperti penggunaannya dalam perubatan iaitu pembedahan dan rawatan penyakit kanser³³⁶.

Ruyani pula menukulkan bahawa:

1) Haram; memakan tumbuhan yang memabukkan walaupun tidak mendatangkan keadaan terlalu مطربة atau euphoria (keseronokan dan khayalan). Namun, si pengguna tidak dikenakan hukum had.

2) Harus; menggunakan ubat yang boleh menyebabkan mabuk apabila tidak terdapat ubat pilihan yang lain dan sesuai.

3) Haram: Sekiranya pesakit mendapati orang lain dan diri sendiri mabuk memakannya, haram dia memakannya sekiranya dia tidak mencari ubat yang lain.

³³⁴ Termasuk dalam kelompok بنج berdasarkan kesannya.

³³⁵ بنج juga disebut di dalam bahasa Arab سيكران. Keduanya sama menurut al-Antaki.

³³⁶ Ibid.

Sekiranya ada ubat yang lain, dia perlu berubat dengannya³³⁷ dengan meninggalkan ubat yang memabukkan tersebut.

4.1.5 PENILAIAN TERHADAP PERBEZAAN METHADONE DAN AL-KHAMR

Diantara perbincangan yang agak penting dalam kajian ini ialah berkaitan perbezaan utama antara methadone dengan *al-khamr*. Oleh itu, pengkaji menengahkan konsep serta sifat-sifatnya agar lebih mudah untuk mengetahui perbezaannya.

Al-khamr atau arak termasuk di dalam kategori sesuatu yang memabukkan (المسكرات) kerana sifatnya yang memabukkan. Ia mempunyai dua situasi sekiranya diminum sedikit maka kesannya tidak memabukkan. Sekiranya diminum banyak maka barulah mencapai tahap mabuk dan memudaratkan. Walau bagaimanapun, hukumnya tetap haram kerana memabukkan tidak kira samada tahap mabuknya adalah rendah ataupun tinggi. Begitu juga hukumnya tetap haram sekiranya individu tersebut hanya mengambil sedikit walaupun keadaannya tidak mencapai tahap mabuk.

Manakala methadone pula berbeza situasinya berbanding hakikat *al-khamr* dari sudut pengambilan dos methadone samada sedikit atau lebih. Praktikalnya penggunaan dos yang tidak mencukupi, akan memudaratkan pesakit. Pesakit akan mengambil atau beralih semula atau menyulami bersama pengambilan dadah heroin³³⁸. Di dalam ertikata mereka akan menerima rawatan dos methadone tetapi pada masa yang sama mereka akan mengambil heroin secara sendirinya. Ini adalah kerana dos methadone yang tidak tepat atau sedikit tidak berjaya memutuskan simptom-simptom tarikan heroin. Apalagi sekiranya penggunaan opiat heroin mereka sudah bertahun-tahun. Sekiranya ini berterusan, ia akan membawa kematian akibat percampuran dua bahan iaitu heroin dan methadone.

³³⁷ *Ibid.*

³³⁸ Temubual bersama Dr. Rusdi b. Abd. Rasyid, *op.cit.*

Ini dapat difahami bahawa methadone yang sedikit atau tidak mencukupi dos menyebabkan pesakit akan mengambil dadah heroin atau opiat lain yang memabukkan yang sama diqiaskan dengan *al-khamr*. Sekiranya pesakit menerima dos yang tepat maka pesakit akan menjadi normal. Namun, apabila pesakit mengambil terlalu banyak atau melebihi dos maka kemudaratan akan timbul³³⁹. Untuk mudah difahami pengkaji menerangkannya sebagaimana di Jadual 4.2.

³³⁹ Walaubagaimana melalui pelbagai kajian tidak ada kes yang memudaratkan temubual bersama Dr. Rusdi bin Abd. Rasyid, pensyarah dari Jabatan Perubatan Psikologikal serta psikiatri klinikal Pusat Perubatan Universiti Malaya, temubual pada 8hb 6 2009, pada hari Isnin, jam 4.30 petang, bertempat di University Malaya Centre of Addiction Science. Proffesor Dr. Mustafa Ali Muhammad, Timbalan Dekan Pembangunan dan Infrastruktur Di Pejabat Dekan Fakulti Perubatan. beliau pada 3hb Jun 2009 Rabu, 10.15 pagi, seorang pakar farmakologi.

Jadual 4.2: Perbezaan *al-khamr* dan methadone.

AKIBAT PENGAMBILAN/BAHAN:	KESAN SEDIKIT ATAU KESAN KURANG DOS:	KESAN DOS YANG SESUAI/TEPAT:	KESAN LEBIH BANYAK/ MELAMPAU ATAU KESAN MELEBIHI DOS:	CONTOH:	KATEGORI:	SIFAT BAHAN:	TUJUAN ASAL:
KHAMR	Tidak mabuk	- Mabuk (hilang daya penilaian, gambaran,pemerhatian dan tumpuan,pengucapan lebih bebas,mesra,berperasaan, berinspirasi,kehilangan kuasa mengawal perasaan). -Tidak mampu bersolat dan berpuasa.	- Memudaratkan seperti kerosakan organ, koma atau maut	- <i>Beer, champagne, wine</i> dan lain-lain yang boleh memabukkan.	- <i>Al-khamr</i> /arak -Bahan tidak terkawal	- Enak menyebabkan cenderung untuk menambah minuman.	- Sekadar berseronok
METHADONE HYDROCHLORIDE	- Memudaratkan pesakit kerana simptom tarikan tidak berjaya dirawati menyebabkan mereka akan menyulami dengan heroin. Percampuradukan methadone dan heroin atau dadah lain akan membawa maut. - Menyebabkan pesakit akan mengambil dadah seperti heroin/morfin secara sendiri walaupun dalam rawatan methadone. Perkara di atas akan membahayakan pesakit malahan tidak mampu bersembahyang dan berpuasa.	- Normal dari segi pemikiran, tuturkata, pancaindera, tingkahlaku, psikologi diri dan lain-lain seperti individu normal yang lain. -Menyebabkan pesakit dapat menjalani kehidupan normal termasuk beribadat seperti bersolat dan berpuasa.	-Membahayakan seperti kesan sampingan yang serius seperti sawan. -Maut kerana pengumpulan methadone. (Walaubagaimanapun menurut pelbagai kajian penggunaan methadone <i>per say</i> adalah selamat).	- <i>Methadone</i>	-Apabila diambil dos yang bersesuaian dikategorikan sebagai ubat , apabila berlebihan dos akan bertukar menjadi racun . (Walaubagaimanapun menurut pelbagai kajian penggunaan methadone <i>per say</i> adalah selamat). -Kumpulan ubat terkawal.	- Tidak enak - Tidak menyebabkan cenderung untuk menambah dos.	- Menghilangkan tarikan - Mencegah dari terus mengambil dadah. - Mencegah dari menagih dadah dengan menggunakan jarum suntikan. - Menghilangkan gian dadah sebelumnya. -Membantu menghindarkan dari relaps dan residivisme (menagih semula). - Mengembalikan kehidupan normal.

Kitab *Hashiyyah al-Sheikh 'Abd al-Shahir bi al-Sharqawi*³⁰⁶, telah menyentuh berkenaan hukum pengambilan بنج³⁰⁷ seperti opium (الأفيون), za'faran, buah pala³⁰⁸ (جوزة الطيب) dan *hashish*. Bahan ini adalah haram jika pengambilannya banyak. Pengertian "sedikit" (القليل) iaitu yang tidak memberi kesan pada akal, walaupun ia memberi kesan melalikan (تخديرا) dan melemahkan (فتورا). Manakala pengertian "banyak" iaitu yang memberi kesan terhadap akal. Beliau menegaskan lagi, diharuskan pengambilan yang sedikit seperti menghilangkan deria rasa kesakitan anggota yang dibedah³⁰⁹. Diwajibkan pula megambil بنج kepada yang berhak mengambilnya iaitu kepada mereka yang bakal menerima kemudaratannya jika mereka tidak menggunakannya³¹⁰.

Observasi pengkaji ke pusat rawatan mendapati bahawa berdasarkan perbualan secara tidak lansung dan tidak secara formal pengkaji bersama pesakit yang menerima rawatan serta berdasarkan hasil-hasil perbualan sesama mereka yang didengari oleh pengkaji; dapat disimpulkan bahawa methadone pada dos yang sesuai tidak meninggalkan kesan mencelaruhan terhadap pemikiran atau menghilangkan akal³¹¹.

Oleh yang demikian itu, pengertian di atas bertepatan dengan penggunaan methadone yang perlu diambil dengan dos yang tidak melampau. Di dalam Jadual di 4.2, pengkaji mengkategorikan kadar pengambilan bahan atau dos yang tepat dan sesuai itu berdasarkan kepada kesan dari dos yang sedikit yang tidak memberikan sebarang kesan yang memudaratkan.

³⁰⁶ al-Sheikh 'Abd al-Shahir Bi al-Sharqawi (t.t), *Hashiyaha al-Sheikh 'Abdullah al-Shahir Bi al-Sharqawi 'Ala Tuhfah al-Tullab Bi-Sharh Tahrir Tanqih al-Lubab*, j.2, Dicitak di tepi (bi-Hamish), al-Ansari dan Mustafa b Hanafi al-Zahabi al-Misri, T.T.P: Dar al-Fikr,h. 449.

³⁰⁷ Iaitu anestetika atau bius.

³⁰⁸ Sila lihat di bab 2 berkenaan apakah itu dadah di bahagian halusinogen. Selaput dan biji buah pala boleh mempengaruhi deria, perasaan dan pemikiran.

³⁰⁹ Shaukani menambah lagi diharuskan pengambilan yang sedikit seperti masalah di anggota badan yang dibedah tetapi wajib dirahsiakan dari pengetahuan orang awam supaya mereka tidak mengambil banyak dan ber'ktiqad bahawa pengambilan mereka yang banyak itu adalah sedikit kelak.

³¹⁰ *Ibid*

³¹¹ Berdasarkan juga kesan terhadap pengguna methadone di bab 3 iaitu mereka dapat berdikari sendiri seperti mencari nafkah, bersembahyang, mengucap dua kalimah syahadah, berumahtangga dan menjalani kehidupan normal.

Kesimpulannya bahawa methadone yang sedikit atau tidak mencukupi dos akan menyebabkan pesakit terdorong untuk mengambil heroin atau opiat lain iaitu bahan yang boleh diqiaskan dengan *al-khamr*. Tetapi sekiranya dos yang tepat maka pesakit akan menjadi normal. Walau bagaimanapun sekiranya terlalu banyak atau istilahnya melebihi dos, barulah methadone mendatangkan kemudatan³¹².

4.1.6 PENILAIAN KEDUDUKAN PERANAN METHADONE SEBAGAI UBAT, DRUG ATAU DADAH

Apabila kita menyingkap pandangan al-Biruni dalam perbincangan toksikologi³¹³nya. Ia menyatakan bahawa apa yang diambil melalui makan dan minum secara sengaja atau sebaliknya memberi kesan secara automatik yang mana apa yang diambil itu akan berpecah menjadi makanan dan racun. *Drug* terletak antara keduanya iaitu antara makanan dan racun itu tadi. Makanan telah digunakan oleh penghadaman dan metabolisme untuk menyuburkan tubuh badan secara sempurna. Tetapi racun menjadi begitu berpengaruh dan terkesan dalam kualiti dan daya yang menjangkau peringkat tertinggi dan ekstrim (melampau) dalam fungsinya. Demikian itu, cara kesantindaknya tenggelam dan menguasai daya tubuh badan dan mengikut ketahanan serta kekuatan masing-masing menyebabkan individu berkenaan mengalami sakit berat malahan boleh membawa maut.

Namun, sekali tubuh badan terselamat daripada rosak, berisiko, menular dan terkesan dengan kemerbahayaan, ia akan mampu mengatasi, mengimbangi dan menangkis serta membuang kemerbahayaan tersebut³¹⁴.

³¹² Walaubagaimana melalui pelbagai kajian tidak ada kes yang memudatkan temubual bersama Dr. Rusdi bin Abd. Rasyid, pensyarah dari Jabatan Perubatan Pyskologikal serta psykiatri klinikal Pusat Perubatan Universiti Malaya, temubual pada 8hb 6 2009, pada hari Isnin, jam 4.30 petang, bertempat di University Malaya Centre of Addiction Science. Profesor Dr. Mustafa Ali Muhammad, Timbalan Dekan Pembangunan dan Infrastruktur Di Pejabat Dekan Fakulti Perubatan. beliau pada 3hb Jun 2009 Rabu, 10.15 pagi, seorang pakar farmakologi.

³¹³ Bidang sains yang mengkaji racun dan keracunan.

³¹⁴ Sami K. Hamarneh (1993), *Al-Biruni's Book On Pharmacy And Materia Medica (Part 11): Introduction Commentary And Evaluation*, Karachi: Hamdard Academy, h. 50

Dia menghuraikan lagi bahawa racun memberi kesan yang bersangatan kepada tubuh badan tetapi sekiranya tubuh badan terselamat serta terlepas daripada serangan yang teruk, ia juga akan mengumpulkan beberapa kekuatan pertahanan yang akhirnya ia akan mampu untuk mengaplikasikan kesan-kesan perubahan tersendiri tersebut untuk menentang racun³¹⁵.

Al-Biruni menjelaskan, perbezaan terapi diet (pemakanan) dengan rawatan menggunakan *simple drug* atau dengan drug sebatian³¹⁶ (*compound*), drug sebatian akan merosakkan kekuatan daya tubuh badan. Tetapi dalam perbandingan dengan racun pula drug lebih bersifat memperbaiki, mengemaskini dan mengembalikan serta memperbetulkan semula kesihatan dan kesembuhan tubuh badan. Demikian itu, di sinilah bukti kewajaran serta sebab musabab dan keperluan kepada kemahiran, kecekapan serta belas kasihan para doktor untuk menentukan preskripsi drug yang sesuai untuk rawatan³¹⁷.

Menurut Profesor Dr. Mustapha bin Ali Mohd³¹⁸ seorang pakar farmakologi Universiti Malaya menyatakan bahawa kesan tindak methadone adalah serupa seperti dadah. Oleh yang demikian itu, ia dikategorikan sebagai dadah. Ini disokong oleh kenyataan D.R. Laurence, dalam tulisannya juga menyatakan bahawa tindakan farmakologi methadone seakan-akan serupa dengan morfin³¹⁹. Walau bagaimanapun berdasarkan kajian-kajian yang pelbagai mendapati dan menyimpulkan bahawa ianya adalah dadah yang selamat.

Pernyataan para psikiatri seluruh dunia dan menerusi kajian serta pelbagai ujian klinikal yang telah dijalankan; termasuk rawatan methadone di Malaysia khususnya di

³¹⁵ *Ibid*

³¹⁶ Boleh juga dikatakan campuran

³¹⁷ *Ibid*

³¹⁸ Profesor Dr. Mustafa Ali Muhammad, Timbalan Dekan Pembangunan dan Infrastruktur, di Pejabat Dekan Fakulti Perubatan pada 3hb Jun 2009 Rabu, 10.15 pagi, Beliau merupakan pakar farmakologi dan pernah menjadi ketua jabatan di Jabatan Farmakologi, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya.

³¹⁹ D.R.Laurence *et al.*(2001), *op.cit*, h. 322. Nusaibah Mahmud 'Abdullah Al-Bakhit(2009), *op cit*, h. 197.

PPUM³²⁰ yang menjalankan rawatan kepada pesakit dadah tegar menyatakan bahawa methadone adalah ubat. Ianya berdasarkan praktikal dan rasional penggunaan methadone dalam perubatan yang dijalankan dan kesannya yang efektif dan selamat.

'Abd al-'Azim Sumur Salhab di dalam karangan beliau علم السموم الحديث telah mengkategorikan methadone di dalam opium (الأفيون). Beliau menjelaskan bahawa methadone adalah struktur sintetik (buatan) berkimia sepenuhnya, yang digunakan atas tujuan perubatan. Methadone dan morfin adalah dari kumpulan yang sama. Kesan struktur methadone adalah menyerupai kesan morfin. Perbezaan kedua-duanya hanyalah berdasarkan dari segi tahap keras bahan tersebut dan durasi morfin³²¹.

Setelah pengkaji mengamati berkenaan methadone, pengkaji dapat membandingkan beberapa fakta sebagaimana di bawah:

Tulisan D.R. Laurence dan P.N Bennett yang pakar di bidang farmakologi klinikal menjelaskan bahawa kebanyakan drug baru ialah kimia sintetik. Methadone juga termasuk dalam kumpulan ini³²².

Begitu juga kenyataan William Whitering, 1789 sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini iaitu:

*"Racun dalam dos yang kecil adalah drug yang paling baik; dan drug yang berguna dalam dos yang terlalu besar adalah beracun"*³²³

Professor John Strang dan Dr.Gilian Tober merupakan pakar ketagihan dan rawatan ketagihan secara klinikal memberikan gambaran awal berkenaan methadone menyatakan:

*"Methadone heals, but it also harms.
It is life-saving treatment, but it is also a life-threatening poison".*

³²⁰Eric C. Strain et. el (1999), *Methadone Treatment For Opioid Dependence*, Maryland: The Johns Hopkins University Press, h. 80-81, Dr. Rusdi bin Abd. Rasyid, pensyarah dari Jabatan Perubatan Psikologikal serta doktor psikiatri klinikal Pusat Perubatan Universiti Malaya, temubual pada 26hb Disember 2009, pada hari Jumaat, jam 10.00 pagi, bertempat di Klinik Psikiatri Pusat Perubatan Universiti Malaya.

³²¹Nusaibah Mahmud 'Abd al-Bakhit(2009), *op.cit*, h. 196-197.

³²²D.R.Laurence *et al.*(2001), *op.cit*, h 35 dan 322.


³²³ *Ibid*, h. 1.

Berdasarkan kenyataan tersebut, jelas bahawa methadone menyembuhkan tetapi ia juga memudaratkan. Ia merupakan rawatan ke arah menyelamatkan nyawa tetapi ia juga racun yang mengancam hidup. Ekoran dari itu, mereka menjelaskan bahawa cabaran dalam dunia rawatan methadone adalah bagaimana untuk menganugerahkan manfaat daripada methadone tanpa mengakibatkan kemusnahan³²⁴.

Melalui empat pernyataan di atas iaitu kimia sintetik, racun, dadah dan ubat di atas, pengkaji mendapat membuat kesimpulan iaitu:

- i) Zat methadone pada asalnya adalah racun berdasarkan ia adalah bahan kimia. Namun, ia berfungsi sebagai ubat. Sekiranya ia disalahgunakan, ia akan bertukar menjadi racun yang memudaratkan.
- ii) Methadone berperanan sebagai ubat. Namun, apabila disalahgunakan akan bertukar status menjadi dadah.
- iii) Methadone juga boleh difahami sebagaimana rajah di bawah:

Rajah 4:3: Aliran kedudukan peranan methadone.




4.1.7 KESIMPULAN PENILAIAN KEDUDUKAN METHADONE SAMADA UBAT, DRUG ATAU DADAH BERDASARKAN PERSPEKTIF ISLAM

Berdasarkan perbincangan methadone sebelum ini, di samping sebagai pembuka kesimpulan analisis perbincangan ini, pengkaji mengilustrasikan rajah 4.4 di bawah berkenaan methadone mengikut aspek tunggal masing-masing. Ini bertujuan agar methadone mudah difahami perletakkan kedudukannya juga peranan setiap kedudukan tersebut terutama untuk rawatan.

³²⁴ John Strang et al.(2003), Methadone: Panacea Or Poison? dalam Gilian Tober et al.(eds.) *Methadone Matters: Evolving Community Methadone Treatment of Opiate Addiction*, London: Martin Dunitz, h. 3.

Rajah 4:4: Aliran kedudukan methadone dan perbandingan faktor utama masing-masing .



Oleh itu, berdasarkan kepada ketiga-tiga perkara di atas adalah seperti berikut:

i. Penilaian berkaitan zat methadone.

Apabila diperhatikan, zat methadone adalah sintetik dan bahan kimia yang berkategori racun. Pernyataan ini pula disokong oleh risikonya iaitu maut yang merupakan satu kesan dari pengumpulan methadone terutama kepada yang sudah berumur. Pengertian racun dan ayat al-Quran berkenaan pengharaman memakan racun ada dijelaskan sebagaimana yang telah disentuh di perbincangan berkenaan racun sebelum ini.

Firman Allah:

ولا تلقوا بأيديكم الى التهلكة

Ertinya: Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan³²⁵.

Surah Al-Baqarah (2): 195

Dan Firman Allah lagi:

ولا تقتلوا أنفسكم

Ertinya: Dan janganlah kamu membunuh dirimu³²⁶.

Surah An-Nisaa' (4): 29

Kedua-dua ayat di atas menjelaskan tentang secara umumnya pengambilan racun adalah haram dimakan kerana akan memudaratkan diri. Allah mendatangkan kata perbuatan larangan (فعل نهى) menandakan ianya adalah haram dilakukan.

³²⁵ Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif (1418), *op.cit.* h. 47.

³²⁶ *Ibid*, h. 122.

ii. Penilaian berkaitan kesantindak methadone.

Sebagaimana dimaklumi bahawa, kesantindak negatif methadone boleh menyebabkan:

- a) euforia (euphoria) iaitu girang tanpa sebab.
- b) maut; ada dilaporkan di luar negara yang berlaku kepada dos berlebihan atau orang sudah tua.
- c) pergantungan terhadap methadone tetapi kesannya tidaklah terlalu teruk.
- d) simptom tarikan tetapi tidak terlalu teruk sebagaimana opiat lain.³²⁷

Sebagaimana di Jadual 4.2 yang telah dipaparkan sebelum ini, berdasarkan kepada praktikal penggunaan methadone adalah ubat berdasarkan tiga situasi pengambilan dos. Apabila diambil sedikit methadone maka ia tidak mengubati simptom tarikan pesakit dan akan membahayakan pesakit, sekiranya diambil dengan dos yang tepat, methadone akan membantu pesakit menjadi normal dan apabila diambil terlalu banyak maka methadone akan memudaratkan pesakit atau mendatangkan kesan yang serupa seperti dadah dari kumpulannya sendiri seperti girang tanpa sebab iaitu euforia (مطربة) yang mengganggu dan menghilangkan kewarasan akal.

Berbanding dengan *al-khamr* atau arak yang hanya mempunyai dua situasi pengambilan. Sekiranya *al-khamr* diambil sedikit maka kesannya tidak memabukkan. Sekiranya diambil banyak maka akan memabukkan. Di sini pengkaji mendapati bahawa illah hukum bagi haramnya *al-khamr* itu adalah mabuk iaitu berdasarkan kepada kesan dan kesan tersebut adalah gangguan fikiran dan akal serta kewarasan berfikir.

Oleh yang demikian itu, situasi methadone yang mempunyai tiga situasi dos pengambilan juga memberi kesan yang mengganggu akal jika diambil melebihi kesesuaian dos. Perkaitan اسكر iaitu yang memabukkan tidak hanya kepada *al-khamr*

³²⁷ D.R.Laurence *et al.*(2001), *op.cit.*, h. 322.

tetapi setiap apa yang memberi kesan مسكر (memabukkan). Ini berarti methadone adalah sama seperti dadah yang diqiaskan dengan *al-khamr* sebagaimana Hadith berikut:

Daripada Ibnu 'Umar R.A, bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda:

كل مسكر خمر, وكل خمر حرام³²⁸

Maksudnya: Setiap yang memabukkan itu khamr dan setiap khamr itu haram.

(Riwayat Muslim)

Dan sabdanya lagi:

كل مسكر حرام³²⁹

Maksudnya: Setiap yang memabukkan itu haram.

(Riwayat Muslim)

Sebuah hadis dari Ummu Salamah R.A katanya:

نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن كل مسكر ومفتتر³³⁰

Maksudnya: Rasulullah S.A.W. melarang dari semua perkara yang memabukkan dan melalaikan (melemahkan).

(Sunan Abi Daud)

Dari hadis-hadis di atas, perkataan مسكر (sesuatu yang memabukkan) berasal dari الُّسكر iaitu yang mabuk. Di dalam kitab *Mausu'ah al-Fiqhiyyah* yang dihasilkan oleh Wizarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah meletakkan الُّسكر mempunyai perkaitan antara satu sama lain dengan الخدر³³¹, الجنون³³², العته³³³, الصرع³³⁴, الإغماء³³⁵ dan الترقيد³³⁶. الخدر pula ada kaitan dengan التفتير iaitu bererti yang melemahkan yang

³²⁸ Zakiyuddin 'Abdul 'Azim 'Abdul Qawwiyy al-Munzirri (1999), *Mukhtasar Soheh Muslim*, Kitab al-Ashribah, no. 1267, Damsyik: Dar Ibnu Kathir, h.707.

³²⁹ *Ibid*, no. 1269, h. 709.

³³⁰ Abi Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi (1998), *'Awn al-Ma'bud Sharh Sunan Abi Daud*, j.10, Kitab Al-'Ilm, Bab 5, no. 3681, j.10, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 91.

³³¹ kebas, yang mengkebaskan.

³³² yang menjadikan gila.(gila atau kecacatan akal).

³³³ yang mendungukan (yang mengurangkan akal).

³³⁴ yang menjadikan sawan

³³⁵ yang memitamkan

berhubungkait dengan الإسكار dan الإغماء³³⁷. Pada pandangan pengkaji setelah diamati, methadone adalah termasuk الخدر yang diqiaskan dengan السكر.

Cara tindakan methadone sintetik adalah serupa sebagaimana morfin walau bagaimanapun methadone lebih lembut (*mild*). Namun tahap keras atau tidak bahan tersebut, euforia, mabuk atau sebaliknya, cecair atau pejal, diperah, diproses atau dimasak, ia tidak dikira kerana penilaian hukum illah adalah berdasarkan الإسكار (mabuk) iaitu kesan daripada bahan yang مسكر (yang mabuk). Samada dos methadone itu sedikit, dos yang tepat atau sesuai dan terlebih dos adalah juga termasuk kumpulan bahan مسكر sebagaimana yang dinyatakan di dalam Hadis di bawah:

Hadis daripada Jabir bin Abdullah, Rasulullah telah bersabda:

338 ما اسكر كثيره فقليله حرام

Maksudnya: Setiap yang memabukkan dalam keadaan banyak maka jumlah yang sedikit pun haram.
(Sunan Abi Daud, Tirmizi, Ibnu Majah, Ahmad, Ibnu Hibban, Ibnu Jarud, Al-Baghawi dan Baihaqi)

Aisyah R.A telah berkata: Aku mendengar Rasulullah S.A.W telah berkata:

339 كل مسكر حرام, وما أسكر منه الفرق, فملاء الكف منه حرام

Maksudnya: Setiap yang memabukkan itu haram. Dan apa-apa yang yang haram dalam jumlah yang banyak maka setelapak tangan juga haram.
(Abu Daud, Tarmizi, Ahmad, Ibnu Hibban, al-Baihaqi dan Dar al-Qutni).

iii. Penilaian berkaitan fungsi methadone sebagai ubat.

Perlu diketahui bahawa sesuatu drug untuk perubatan diterimapakai untuk penggunaan pengubatan ketikamana setelah dibuat penilaian tentang keselamatan berhubungkait dengan kesannya (efikasinya)³⁴⁰. Peranan methadone sebagai intervensi

³³⁶ yang meredakan (menidurkan dan melemahkan). Wizarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah (1992), *Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, j.25, Kuwait: Dar al-Safwah, h. 90-91.

³³⁷ Wizarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah (2005), *ibid.*, cet. 4, j. 11, Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah, h. 33.

³³⁸ Abi Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi (1998), *op.cit.*, no. 3676, h. 87.

³³⁹ Abi Usamah Salim b 'Eid al-Hilali(1999), *Mausu'ah al-Manahi al-Shari'ah fi Soheh al-Sunnah al-Nabawiyyah*, j.3, Kaherah: Dar Ibnu 'Affan, h. 162.

³⁴⁰ D.R. Laurence et.al(2001), *op cit.*, h.391.

pengubatan secara praktiknya bertindak dan berhubungkait dengan otak manusia dan sistem saraf pusat. Dengan kata lain, agar mudah difahami, peranan methadone yang bertindak ke atas sistem saraf pusat mengubati sistem saraf pusat yang telah menghadapi masalah akibat ketagihan opioid terdahulu.

Peranan methadone sebagai ubat dapat dilihat pada Jadual 4.2. sebagaimana yang telah dipaparkan sebelum ini. Peranan paling utama methadone adalah untuk merawat pesakit yang mengalami simptom tarikan akibat opioid terdahulu. Dengan dos methadone yang bersesuaian, methadone dapat menutup rasa sakit akibat simptom tarikan yang dihadapinya dan ini amat membantu pesakit untuk menjalani hidupan normal. Telah banyak disentuh berkaitan kelebihan dan keburukan methadone di perbincangan sebelum ini.

Ibnu Rejab al-Hanbali dalam *Jami' al- 'Ulum wa al- Hikam* ada menjelaskan berkenaan pengubatan dengan menggunakan bahan *المخدرة* yang digolongkan dalam kumpulan *المسكرة* . Beliau berdalilkan kepada Sabda Rasulullah " كل مسكر حرام " , Permasalahan yang disentuh adalah berkenaan bahan atau sesuatu yang boleh menghilangkan akal dan memabukkan yang digunakan bukanlah untuk berseronok atau mengambil nikmat atau untuk berkhayal menerusinya seperti *بنج* dan seumpamanya³⁴¹. Oleh itu, penjelasannya adalah seperti berikut:

1) Harus:

Pesakit menggunakannya bertujuan sebagai satu keperluan untuk pengubatan yang mana kebiasaan penggunaannya adalah selamat.

Ini adalah pandangan sahabat-sahabat Ibnu Rejab al-Hanbali.

2) Haram:

Sekiranya pengambilannya bukan satu keperluan pengubatan. Diharamkan adalah kerana bahan tersebut menyebabkan hilangnya akal tanpa sebab

³⁴¹ Khalid Abu Zaid al-Tamawi(2007), *Fiqh al-SaidaliaAl-Muslim*, Riyadh: Dar al-Sami'i, h. 92.

keperluan. Oleh itu, diharamkan penggunaannya sebagaimana diharamkan minuman yang memabukkan. Ini adalah pandangan kebanyakan sahabat-sahabat Ibnu Rejab al-Hanbali seperti al-Qadhi, Ibnu 'Aqil dan penulis kitab *al-Mughni*³⁴².

Permasalahan berkaitan merawat penagihan dengan cara mengurangkan dos bahan yang boleh membawa ketagih pula, Ibnu Hajar al-Makkiy al-Syafie' telah ditanya berkenaan hukum orang mengambil hashish, opium (الأفيون) dan sebagainya yang mengakibatkan ketagihan yang mencapai tahap ia akan mati sekiranya ia tidak mengambil bahan tersebut. Beliau mengeluarkan fatwa:

*"Sekiranya dimaklumi secara pasti bahawa seseorang itu akan mati jika ia tidak mendapat dadah maka dadah itu halal baginya bahkan wajib kerana darurat. Ini adalah kerana demi untuk menyelamatkan nyawanya sama hukumnya memakan bangkai kerana darurat. Wajib dia beransur-ansur sedikit demi sedikit mengurangkan pengambilan jumlah dadah tersebut sehingga hilang ketagihan dan kebergantungannya. Di dalam hal tersebut, mereka telah mendapat maklumat dan keterangan serta pandangan para doktor yang boleh dipercayai dari segi agama dan kepakarannya bahawa penagih tersebut akan mati jika diberhentikan pengambilan dadah secara tiba-tiba"*³⁴³.

Fatwa di atas menjelaskan bahawa apabila sudah jelas tentang risiko kemudaratan yang bakal dihadapi apabila diberhentikan secara drastik pengambilan dadah kepada penagih dadah tersebut samada yang menagih dadah semulajadi atau dadah sintetik (kimia), diharuskan merawatnya dengan seliaan doktor yang dipercayai lagi beragama sehingga penagih itu bebas dari penagihannya. Ini adalah kerana perkara tersebut adalah darurat. Tidak berdosa jika perkara tersebut dilakukan kerana darurat selagimana dipelihara syarat-syarat yang telah ditetapkan bertepatan dengan nas-nas al-Quran berkenaan darurat iaitu di surah al-Baqarah ayat 173, surah al-An'am ayat 119

³⁴² *Ibid.*

³⁴³ Wuzarah Al-Awqaf Wa Al-Syuun Al-Islamiyyah(2005), *op.cit.*, h.36. Khalid Abu Zaid al-Tamawi (2007),*op.cit.* h. 93.

dan 145 serta surah An-Nahl ayat 106 sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini.³⁴⁴

Walau bagaimanapun, hasil penelitian pengkaji mendapati bahawa apabila penagih tidak mendapat dadah, secara tidak langsung mereka melalui proses detoksifikasi ataupun penyahan toksin dadah yang telah digunakan. Ini adalah baik untuk tubuh badan mereka. Tambahan lagi, walau seteruk mana tahap keadaan penagih menghadapi seksaan detoksifikasi kerana tidak mendapat opiat, mereka tidak akan mati³⁴⁵. Dengan kata lain, penagih tidak akan mati ketika menghadapi proses tarikan, hanya permasalahannya, akibat dari proses tarikan tersebut³⁴⁶ mampu mengundang jenayah yang ganas, penyakit HIV/AIDS kepada diri sendiri dan orang lain yang akhirnya bakal berhadapan dengan maut walaupun dalam tempoh yang lewat.

Namun begitu, proses sindrom tarikan penagih dari dadah depresan³⁴⁷ perlu diuruskan secara berhati-hati oleh doktor³⁴⁸ termasuk methadone yang tergolong dalam kumpulan dadah narkotik dari kategori dadah depresan.

Sheikh al-Akbar al-Azhar Jad al-Haq Ali Jad al-Haq³⁴⁹ Rahimahullah mengeluarkan fatwa berkenaan dadah sebagai ubat:

"Tidak halal berubat dengan sesuatu yang haram kecuali ditentukan sebagai ubat. Keharusan berubat tidak wujud selagi tidak berhadapan dengan darurat dan ubat tersebut hanya diambil sekadar untuk menampung darurat sehingga hilang ketagihan tersebut. (Keharusan dan darurat tidak wujud lagi kepadanya setelah hilang ketagihan) dan ianya hendaklah

³⁴⁴ Abu Zaid al-Tamawi (2007), *Ibid*.

³⁴⁵ David P.Friedman(1999), *False Messengers:How Addictive Drugs Change The Brain*, Amsterdam: Harwood Academic Publishers, h. 129.

³⁴⁶ Penagih akan sedaya upaya menghindarkan proses tarikan dengan cara mendapatkan dadah dengan apa cara sekalipun walaupun dengan cara membunuh, mencuri malahan mereka tidak menghiraukan cara memasukkan dadah ke dalam badan termasuk menggunakan jarum suntikan yang tercemar. Ini menyebabkan keberangkalian mendapat HIV adalah tinggi.

³⁴⁷ Dadah depresan ialah dadah penekan sistem saraf pusat yang bertindak terhadap sistem di bahagian otak dan menjejaskannya. Terbahagi kepada empat kumpulan iaitu anestetik(ubat bius) umum, alkohol alifatik, dadah penahan sakit narkotik dan dadah sedatif(penenang)/hipnotik. Rahmat Awang (2005), *Dadah Penekan Sistem Saraf Pusat: Sedatif/ Hipnotik*, dalam Mohd Izham Mohamed Ibrahim et al. (eds.), *op.cit*,h.27

³⁴⁸ *Ibid*

³⁴⁹ Pernah menjadi Mufti al-Diyar Mesir.

dengan selian doktor pakar dan professional dalam bidang tersebut.³⁵⁰

Beliau menambah lagi bahawa kemajuan dunia berkaitan ubat-ubatan kimia berkemungkinan kita tidak lagi memerlukan kepada dadah terlarang dari segi syarak sebagai antidot (penawar). Ini adalah kerana telah wujud alternatif ubatan kimia yang diharuskan penggunaannya³⁵¹.

Berdasarkan perbincangan fiqh semasa oleh ulama'-ulama' fiqh semasa sebagaimana yang dinyatakan di dalam ensiklopedia *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir: Min 'Ilam al-Fatwa fi al-Mausu'ah*, Doktor Abdul Aziz al-Sa'id wakil dari Universiti Imam Muhammad al-Sa'ud al-Islamiyyah di Riyadh menjelaskan bahawa penggunaan المخدرات iaitu dadah dalam dunia perubatan adalah harus. Contohnya penggunaan البنج (pembiusan atau anestesia) dalam keadaan terdesak diharuskan kerana ia berperanan sebagai bantuan dalam rawatan. Begitu juga penggunaannya diharuskan dalam proses pembedahan dan dalam penstrukturan (penciptaan) setengah ubat-ubatan. Ini adalah kerana penggunaan dalam rawatan di atas termasuk dalam perkara الضرورات تبيح المحظورات iaitu kemudaratan-kemudaratan itu membolehkan hal-hal yang dilarang. Tambah beliau lagi, Islam memerintahkan agar memelihara diri maka diharuskan mengambil kerosakan yang lebih ringan untuk melenyapkan kerosakan yang lebih berat lagi memudaratkan ketika mana kita memerlukan untuk melakukan perkara yang ringan

³⁵⁰ Mengeluarkan fatwa berkenaan dadah ketika menjawat jawatan sebagai mufti Republik Arab Mesir; menjawab penjelasan terhadap beberapa soalan berkisar dadah pada 5 Rabiul Akhir 1399 bersamaan 4hb Mac 1979 sebagaimana yang diminta oleh Ibu Pejabat Membasmi Penyalahgunaan Dadah Kementerian Dalam Negeri di Kaherah surat bertarikh 5hb Februari 1979. Majlis al-'Ala li al-Shuun al-Islamiyyah, Wizarah al-Auqaf, Jumhuriyyah Misr al-'Arabiyyah (1983), *al-Fatawa al-Islamiyyah Min Dar al-Ifta' al-Misriyyah*, j.10, Kitab Min Ahkam al-Mamnu'at, no. 1289, Kaherah: Majlis al-A'ala lil Shuun al-Islamiyyah Wuzaratu al-Awqaf, h. 3507-3524. Ismail al-Daftar *et al.* (1988), *al-Din wa al-'Ilm fi Muwajahati al-Mukhddarat*, Kaherah: Majlis al-A'la li al-Shuun al-Islamiyyah-Wizarah al-Awqaf, h.284.

³⁵¹ Khalid Abu Zaid al- Tamawi (2007), *op.cit*,h. 93

mudaratnya itu. Ini dibolehkan apabila tidak ada alternatif dan jalan selamat yang lain³⁵². Beliau berdalilkan kepada Firman Allah:

قُلْ لَا آجِدُ فِي مَا أُوْحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ
يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَّسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا
أَهْلًا لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ
رَّحِيمٌ

Ertinya: Katakalah: Tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir atau daging babi - kerana sesungguhnya semua itu kotor - atau binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah. Barangsiapa yang dalam keadaan terpaksa sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang³⁵³.

Surah al-An'am(6): 145

Firmannya lagi:

فَمَنْ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرٍ مُّتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Ertinya: Maka barangsiapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang³⁵⁴.

Surah al-Maidah (5): 3

Setengah ulama mengharuskan seteguk arak apabila tercekik ketika tidak wujud bahan yang lain. Begitu juga mereka mengharuskan melihat tubuh badan yang tidak diharuskan dilihat seperti organ sulit apabila bertembung dengan kemudatan untuk menjaga diri. Ini adalah qias terhadap apa yang telah didatangkan di dalam al-Quran berkenaan pengharusan memakan bangkai tanpa ada sifat melampaui batas yang diharamkan³⁵⁵.

³⁵² Syeikh Abdul Aziz b Baz *et.al* (2005), *Mausu'ah al-Fiqh al-Islamia Al-Mu'asir Min 'Ilam al-Fatwa fi al-Mausu'ah*, j:3, Mansurah: Dar al-Wafa', h. 553.

³⁵³ Mujamma' al-Malik Fahd Li Tiba'ah Al-Mushaf Al-Sharif (1418), *op. cit.*, h. 212-213.

³⁵⁴ *ibid*, h. 157.

³⁵⁵ Syeikh Abdul Aziz b Baz *et.al* (2005), *ibid*.

Perbincangan di atas adalah berkaitan situasi terdesak, kecemasan dan memelihara diri yang termasuk dalam maqasid al-syari'ah yang menyarankan agar memelihara, menjaga dan mengekalkan diri dan nyawa. Oleh yang demikian itu, syara' mengharamkan membawa kerosakan, membunuh nyawa atau penyebab kearahnya kecuali dengan hak. Pengharusan melakukan perkara yang diharamkan ketika darurat adalah satu peluasan dan rahmat kepada hamba, atas sebab memelihara nyawa³⁵⁶.

Firman Allah:

وَمَا جَعَلَكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Ertinya: Dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan³⁵⁷.

Surah al-Hajj (22) :78

Oleh itu, apabila diperhatikan kita mendapati bahawa methadone yang berstruktur kimia diharuskan penggunaannya dalam perubatan apatah lagi farmakologi methadone yang bertindak kepada pesakit memberi tindakan penggunaan terapeutik yang positif seperti berikut:

- i) terapi gantian penagihan opioid
- ii) analgesik (untuk tidak berasa sakit)
- iii) sakit kronik
- iv) ubat batuk

Malahan di dalam konteks rawatan penagihan dadah, methadone berfungsi sebagai berikut:

- i) penekan simptom tarikan dan kegilaan
- ii) penyekat rasa khayal dan girang (euforia)
- iii) mencegah tarikan (*withdrawal*).
- iv) mencegah gila

³⁵⁶ *Ibid*, h: 554

³⁵⁷ Mujamma' al-Malik Fahd li al-Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif (1418), *op. cit.*, h.523.

- v) mencegah ketagih dan penggunaan dadah setelah dipulihkan semula (*relapse*)
- vi) menghilangkan ketagihan
- vii) mengurangkan risiko *Blood Borne Disease*
- viii) meningkatkan kecerdasan mental dan fizikal
- ix) mengurangkan kematian akibat berlebihan dos dadah terdahulu.

Manakala, fungsi menthadone dalam rawatan boleh mengubah psikososial positif pesakit dadah di antaranya seperti mencegah dari dijangkiti HIV/AIDS dan mengelakkan pesakit dadah melakukan perkongsian jarum ketika mengambil dadah

4.2 RUMUSAN PENGGUNAAN METHADONE DALAM RAWATAN PENAGIHAN DADAH BERDASARKAN PERSPEKTIF ISLAM

Sesungguhnya, tidak ada perbincangan mahupun penjelasan apalagi huraian berkenaan hukum penggunaan methadone dalam rawataan penagihan dadah dalam perbincangan ulama terdahulu apalagi dalam perbincangan kitab fiqh. Walau bagaimanapun, apa yang dapat dirumuskan melalui kajian ini mendapati ada dua sumber hukum yang utama iaitu ayat al-Quran dan al-Hadith serta kaedah-kaedah fiqh yang dinyatakan di bawah yang menjadi kunci dalam membicarakan kajian ini iaitu:

- 1) Sabda Rasulullah:

كل مسكر حرام³⁵⁸

Maksudnya: Setiap yang memabukkan itu haram.
(Riwayat Muslim)

- 2) Sabda Rasulullah:

فهي رسول الله صلى الله عليه وسلم عن كل مسكر ومفتتر³⁵⁹

³⁵⁸ Zakiyuddin 'Abd 'Azim 'Abdul Qawwiy al-Munziri (1999), *op.cit.*

³⁵⁹ Abi Tayyib Muhammad Shams al-Haq al-'Azim Abadi (1998), *op.cit.*, j.10, Kitab al-'Ilm, Bab 5, no. 3681, h. 91.

Ertinya: Rasulullah S.A.W. melarang dari semua perkara yang memabukkan dan melalaikan (melemahkan).

(Sunan Abi Daud)

3) Firman Allah Taala:



Ertinya: Tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya³⁶⁰.

Surah Al-Baqarah (2): 173

4) Sabda Rasulullah

إنما الأعمال بالنيات³⁶¹

Ertinya: Sesungguhnya segala amalan itu dikira berdasarkan kepada niat.

5) Manakala penggunaan Qawa'id al-Fiqhiyyah menjadi dasar dalam penggunaan methadone sebagaimana yang dinyatakan seperti berikut:

i) ³⁶²الضرار يزال . Iaitu yang membawa pengertian kemudaratan dihilangkan.

ii) ³⁶³الضرورات تبيح المحظورات . Ia bererti kemudaratan mengharuskan perkara yang dilarang.

iii) ³⁶⁴ما أبيح للضرورة يقدر بقدرها . Iaitu yang bererti apa yang dibolehkan kerana adanya kemudaratan yang diukur berdasarkan kadar kemudaratan

iv) ³⁶⁵إذا تعارض مفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما . Apabila terjadi pertentangan antara dua kerosakan, maka yang lebih besar bahayanya diperhitungkan dengan melakukan yang lebih ringan)

³⁶⁰ Mujamma' Al-Malik Fahd Li Tiba'ah Al-Mushaf Al-Syarif (1418), *op cit*, h. 42

³⁶¹ Jalal al-Din Abd al-Rahman b Abi Bakr al-Suyuti (2001), *Ashbah wa al-Nazair*, Beirut: Maktabah al-'Asriyyah, h.22.

³⁶² Ali Ahmad al-Nadawi (1994), *Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-Qalam, h.287.

³⁶³ Jalal al-Din Abd al-Rahman b Abi Bakr al-Suyuti (2001), *op.cit.*h. 114.

³⁶⁴ *Ibid.*, h. 115.

³⁶⁵ *Ibid.*, h. 118.

Oleh yang demikian itu, sebagai rumusan penggunaan methadone berdasarkan perspektif Islam tidak boleh lari dari dalil-dalil di atas yang sudah semestinya sebagai sandaran utama. Pengkaji mendatangkan kaedah-kaedah fiqh yang utama serta maqasid al-syari'ah yang lima untuk dijelaskan di dalam rumusan seterusnya.

4.2.1 RUMUSAN PENGGUNAAN METHADONE DALAM RAWATAN BERDASARKAN QAWA'ID FIQHIYYAH

Huraian serta penjelasan rumusan penggunaan methadone yang dapat dikeluarkan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

1. Pada dasarnya methadone adalah tergolong dari kumpulan racun berdasarkan hakikat penstrukturan atau pengolahan unsur kimia pembuatan methadone itu sendiri. Ia juga mempunyai kesantindak yang sama seperti dadah berdasarkan farmakologinya yang melibatkan sistem saraf pusat termasuk otak. Oleh yang demikian itu, hukum penggunaan methadone adalah haram jika dilihat dari aspek kesantindaknya.

Methadone memberi kesantindak sebagaimana dadah yang terkesan terhadap kewarasan akal fikiran. Oleh itu, ianya kembali kepada sabda Rasulullah:

كل مسكر حرام³⁶⁶

Ertinya: Setiap yang memabukkan itu haram.

Walau bagaimanapun, fungsi dan peranan methadone itu diwujudkan bertujuan semata-mata untuk terapeutik kepada fungsi akal; iaitu pengubatan dan merupakan satu cara rawatan. Ini terbukti melalui kehidupan normal pesakit yang terkesan dari fungsi perubatan methadone yang merawat sistem saraf pusat pesakit. Bukti-bukti pengubatan yang diperolehi secara jelas tentang keselamatan penggunaannya ialah kehidupan normal pesakit. Bukti ini tidak terhasil jika prosedur methadone yang ketat tidak dilaksanakan. Bukti terhadap perlaksanaan prosidur yang mengikut syarat ini

³⁶⁶ Zakiyuddin 'Abd 'Azim 'Abdul Qawwiyy al-Munziri (1999), *op.cit.*

memperkuat penerimaan pengkaji terhadap pandangan Ibnu Rejab Al-Hanbali yang mengharuskan penggunaannya mengikut keperluan kadar darurat.

2. Rumusan kedua ialah perkaitan methadone dengan Qawa'id al-Fiqhiyyah seperti berikut:

الضرورة تقدر بقدرها³⁶⁷

Ertinya: Kemudahan itu dikira berdasarkan kadarnya.

ما أبيع للضرورة يقدر بقدرها³⁶⁸

Ertinya: Apa yang dibolehkan kerana adanya kemudahan yang diukur berdasarkan kadar kemudahan

"Kadar" yang dimaksudkan di dalam kedua-dua kaedah fiqh di atas ialah kadar minima untuk menghilangkan kemudahan yang dihadapi. Manakala "kadar" yang dimaksudkan di dalam konteks terapeutik methadone ialah pengambilan secara *DOT* oleh pesakit, preskripsi dan cara didispensekan yang melibatkan prosedur rawatan yang ketat. Di samping itu, "kadar" di dalam kaedah fiqh di atas juga menunjukkan kepada cara penggunaan methadone mengikut prosedur kaedah rawatan yang telah disebutkan di dalam perbincangan sebelum ini iaitu:

- i) methadone merupakan ubat berkategori ubat terkawal
- ii) membuat penilaian terperinci terhadap pesakit.
- iii) ianya diberi kepada pesakit secara *DOT* dan berpreskripsi.
- iv) pesakit dipantau serta diselia ketat.
- v) pemantauan dilakukan oleh mereka yang diiktiraf dan pakar di dalam bidang rawatan dengan methadone.

³⁶⁷ Wahbah al-Zuhayli (1997), *Nazariyah al-Darurah al-Shar'iyah*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 230.

³⁶⁸ Jalal al-Din Abd al-Rahman b Abi Bakr al-Suyuti (2001), *op.cit.*h.115.

- vi) tahap kestabilan dan perkembangan pesakit perlu diambil berat untuk menentukan pengambilan methadone walaupun cara pengambilannya perlulah secara berulang samada setiap hari atau minggu.
- vii) diiringi dengan kaunseling.

Prosedur di atas adalah penyokong keharusan rawatan menggunakan methadone berdasarkan keadaan darurat. Di mana penggunaan bahan yang tidak diharuskan menjadi harus digunakan apabila keadaan darurat. Walau bagaimanapun, penggunaannya mestilah berada dalam lingkungan untuk berubat dan tidak berlebihan mengikut kadar darurat.

Pengkaji mendapati bahawa prosidur ketat rawatan di atas menggunakan methadone menepati keperluan dan tidak terkeluar dari syarat kadar dibenarkan syarak berdasarkan Qawa'id al-Fiqhiyyah **الضرورة تقدر بقدرها**. Ini adalah kerana prosedur-prosedur diatas perlu dilaksanakan secara beriringan antara satu sama lain secara serius malahan prosedur-prosedur perlaksanaannya perlu berkaitan antara satu sama lain. Ini bererti, rawatan ini amat berhati-hati perlaksanaannya. Prosedur ini seiring dengan keputusan fatwa Ibnu Hajar al-Makki al-Syaf'i'e dan Sheikh al-Akbar al-Azhar Jad al-Haq Ali Jad al-Haq yang mengharuskan penggunaan dadah dalam perubatan apabila berhadapan dengan keadaan terpaksa tetapi rawatannya perlulah dilaksanakan mengikut kadar yang diperlukan dalam situasi darurat sahaja.

3. Menurut penilaian pakar perubatan dan pengamatan pengkaji, methadone dalam dos yang tepat dinilai sebagai ubatan manakala dos yang tidak tepat atau tidak mencukupi atau melampaui dos akan membawa kemudaratan kepada pesakit sebagaimana ubatan yang lain . Pengkaji mendapati bahawa tahap dos methadone yang melampau akan menukarkan statusnya kepada racun. Manakala dos yang tidak mencukupi semata-mata akan memudaratkan pesakit akibat tindakan

mabuk dan hilang kewarasan akal yang mampu menjejaskan seluruh jiwa, mental dan fizikal malahan kehidupan individu. Oleh yang demikian itu, setakat ke hari ini, para saintis mendapati bahawa methadone berperanan sebagai ubat kepada fungsi otak dan pemikiran penagih dadah iaitu dari kumpulan hasiltindak yang sama. Lalu, dicipta ubat yang paling sesuai walaupun ianya sintetik (tiruan). Methadone dikategorikan sebagai ubat yang merawat di tempat yang bermasalah tersebut di mana methadone berperanan menutup rasa sakit akibat simptom tarikan heroin atau opiat lain. Malahan pandangan Ibnu Hajar menyatakan wajib mereka diberi secara beransur-ansur dan sedikit demi sedikit penggunaan bahan yang memabukkan tersebut.

4. Hukum diharuskan penggunaan methadone akan kembali berubah seperti yang asal iaitu diharamkan dengan mengambil kira hadith Rasullullah berkaitan setiap yang memabukkan itu adalah haram. Penggunaan methadone akan berubah berasaskan tujuan berseronok atau sebagai *recreational drug*. Prosedur pendispensan yang tidak menuruti prosedur sebenar akan mengubah keharusan penggunaan terapeutik methadone kepada pengharaman penggunaan methadone yang memberi kesan sebagai drug untuk berseronok. Ini dapat diringkaskan seperti di rajah 4.5 di bawah:

Rajah 4.5: Perubahan hukum penggunaan methadone.



Terdapat beberapa faktor yang mampu merubah keharusan penggunaan methadone sebagai pengubatan kepada hukum asal haram adalah seperti berikut:

i) **Methadone diberi secara tidak berpreskripsi dan tidak mengikut prosidur pendispensan methadone seperti DOT.**

Faktor ini akan membahayakan pesakit. Dos yang kurang akan membuatkan pesakit menyulami pengambilan methadone dan heroin atau dadah lain. Ini boleh

membawa maut akibat pencampuran bahan drug. Dos yang berlebihan pula akan menyebabkan *overdose* yang juga boleh membawa maut. Dos dan prosidur yang tidak disiplin juga akan memudaratkan pesakit.

ii) Tidak dipantau dan diselia atau penilaian terhadap pesakit (assessment) diambil mudah.

Perkembangan kesihatan pesakit perlu diambil setiap kali berjumpa doktor. Ia bertujuan agar kesihatan pesakit dapat dipantau menerusi perkembangan atau perubahan penerimaan negatif atau positif tubuh badan terhadap rawatan menggunakan terapi methadone. Sikap ambil mudah boleh menyebabkan pihak perawat tidak dapat menyingkap masalah kesihatan pesakit yang sepatutnya sesuai atau tidak untuk menggunakan methadone.

iii) Pengambilan methadone bertujuan untuk disalahguna seperti berseronok atau sebagai *recreational drug* .

Faktor ini memberi maksud penggunaan methadone bukanlah untuk pengubatan. Ia hanyalah untuk berseronok dan bukan bertujuan untuk terapeutik. Penyalahgunaan ini adalah haram berdasarkan hadis Rasulullah di bawah:

لعن رسول الله عليه وسلم في الخمر عشرة : عاصرها، ومعتصرها،
وشاربها، وحاملها، والمحمولة إليه، وساقيتها، وبائعها، واكل ثمنها، والمشتري
لها ، والمشتراة له ³⁶⁹

Ertinya: Rasulullah melaknat sepuluh golongan berhubung dengan *al-khamr*: yang memerah, meminta diperahkan, meminum, membawa, meminta supaya dihantarkan kepadanya, yang menuangkannya, yang menjualnya, yang memakan dari hasil penjualannya, yang membelinya dan yang meminta agar dibelikan untuknya.

(Riwayat al-Tirmizi dan Ibnu Majah)

Di samping itu, sebagaimana hadis yang dipaparkan sebelum ini; daripada Umar al-Khattab bersabda Rasulullah:

إنما الأعمال بالنيات وإنما لكل امرئ ما نوى

³⁶⁹Al-Shawkani (1997), *Nayl al-Awtar, Kaherah: Dar al-Hadith*, h. 183.

Ertinya: Sesungguhnya segala amal itu hanyalah menurut niat dan bagi seseorang itu hanyalah akan memperolehi apa yang diniatkannya.

Manakala berdasarkan Qawa'id al-Fiqhiyyah iaitu:

الأمر بمقاصدها³⁷⁰

Ertinya: Setiap sesuatu (perbuatan) bergantung kepada niatnya

Dalam konteks methadone, sekiranya seseorang itu berniat pengambilan methadone adalah untuk berubat, ianya diharuskan pengambilannya berdasarkan kepada dalil-dalil yang telah disebutkan dan Qawa'id al-Fiqhiyyah yang telah dikeutarakan pada perbahasan yang dibolehkan kerana darurat. Namun, sekiranya niat seseorang itu menggunakan methadone sebagai gantian untuk pengekalan keseronokan, perletakan 'ilah dan diqiaskan sama dengan arak. Ianya diharamkan berdasarkan dalil diharamkan kesemua yang مفتر (yang memabukkan). Oleh yang demikian itu, ia kembali kepada dalil dan hukum asal pengharamannya.

iv) Pendispensan methadone bukan bertujuan untuk terapeutik atau pengubatan.

Sesungguhnya, sebagaimana yang telah diketahui bahawa penciptaan asal dan penggunaan methadone semata-mata untuk terapeutik. Sekiranya ia digunakan sebaliknya bererti penggunaannya adalah untuk disalahgunakan. Ini adalah kerana methadone hanya terangkum dua kegunaan iaitu sebagai terapeutik iaitu pengubatan atau disalahguna. Jika ianya disalahguna bererti tiada masa depan untuk kesembuhan untuk pesakit dan tidak mustahil membawa maut. Pendispensan yang menyalahi undang-undang atau menyalahi kuasa pendispensan ada berlaku seperti kes di klinik swasta yang mendispensekan ubatan methadone yang dicampurkan ubat kanser untuk

³⁷⁰ Jalal al-Din Abd al-Rahman b Abi Bakr al-Suyuti (2001), *op.cit.*h.22.

menghasilkan kesantindak seperti dadah kokain³⁷¹. Ini bererti pendispensan ubat berkenaan hanyalah untuk disalahguna oleh penagih dadah bukan untuk kesembuhan. Malahan pendispensan oleh pihak klinik adalah semata-mata meraih keuntungan daripada pesakit dadah yang semestinya menjadi pelanggan tetap secara berterusan di klinik mereka. Penyalahgunaan ini adalah juga haram malahan dilaknat oleh Rasulullah berdasarkan hadis Rasulullah melaknat sepuluh golongan yang berhubung dengan al-khamr sebelum ini dan hadis Rasulullah :

وإن الله إذا حرم على قوم أكل شئ حرم عليهم ثمنه³⁷²

Ertinya: Sesungguhnya apabila Allah Taala mengharamkan kepada satu-satu kaum itu memakan sesuatu maka Allah juga mengharamkan kepada mereka harga jualannya.
(Riwayat Ahmad dan Abu Daud)

v) Didispense atau dikendalikan oleh yang bukan pakar.

Mereka tidak mengetahui selok belok sains perubatan secara menyeluruh. Oleh yang demikian itu, seseorang yang tidak ahli dalam mengendalikan apa sahaja perawatan akan memperjudikan nyawa pesakit. Sebagaimana Firman Allah:

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا

Ertinya: Barangsiapa yang membunuh seorang manusia, bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain, atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya.

Surah al-Maidah (5): 32


5. Sasaran penggunaan methadone sebagai salah satu bahan rawatan dan pemulihan di Malaysia ialah penagih dadah yang mencapai tahap tegar. Di Malaysia penggunaan methadone hanyalah bertujuan untuk merawat dan mencegah penagih dari dihidangi penyakit HIV/AIDS. Kesan dan akibat penagihan dadah menyebabkan ketagihan yang tidak terkawal dan tidak mampu melawan simptom tarikan, mereka

³⁷¹ Harian Metro, Sabtu 26 Mei 2007, Bahagian Setempat

³⁷² Al-Shawkani (1997), *op.cit.*,h.169.

terus mendapatkan dos dadah terlarang dengan apa cara sekalipun. Namun begitu, untuk pengambilan dadah seterusnya mereka tidak mampu untuk menilai jarum suntikan yang digunakan adalah bersih atau sebaliknya kerana mereka berhadapan dengan situasi terdesak ketika itu untuk segera memasukkan dadah ke tubuh badan mereka . Oleh kerana itu, mereka terdedah dengan penyakit berbahaya tersebut. Rajah 4.6 di bawah menjelaskan berkenaan objektif penggunaan methadone di Malaysia berdasarkan sasaran penagih dadah tegar yang masih belum dijangkiti HIV.

Rajah 4.6 : Objektif Penggunaan Methadone Di Malaysia



Gambarajah di atas menunjukkan tujuan utama penggunaan drug methadone di Malaysia. Methadone digunakan untuk penagih dadah tegar sahaja kerana penagih tidak tegar masih boleh dirawat menggunakan rawatan selain methadone. Golongan penagih dadah tegar paling terdedah kepada penularan penyakit HIV/AIDS akibat bertukar-tukar jarum yang telah dijangkiti virus penyakit membunuh tersebut.

Dengan kemudaran terbesar yang mengarah kebinasaan diri di samping merosakkan orang lain seperti keluarga, masyarakat dan negara, pihak-pihak yang bertanggungjawab di Malaysia melaksanakan intervensi rawatan terhadap mereka melalui kaedah *Drugs Substance Therapy (DST)* atau *Methadone Maintenance Therapy (MMT)*. Ini adalah satu usaha untuk memberhentikan mereka dari rutin bertukar jarum suntikan dan satu ubat untuk merawat sistem saraf otak mereka.

Oleh kerana methadone diharamkan penggunaannya berdasarkan *'illah* hukum asalnya, namun apabila ia berhadapan dengan objektif rawatan sebagaimana di atas menyebabkan ia akan berubah kepada diharuskan kerana berlandaskan kaedah fiqh berikut:

- i) لا ضرر ولا ضرار³⁷³
Ertinya: Tidak (boleh) membahayakan (diri sendiri) dan tidak (boleh pula) membahayakan (diri orang lain).

Kaedah di atas menerangkan bahawa membahayakan diri sendiri bererti terdedah kepada jangkitan HIV. Manakala membahayakan orang lain ialah penyakit HIV yang mampu berjangkit kepada orang lain. Tindakan ganas yang dilakukan oleh penagih ketika putus dadah adalah juga termasuk membahayakan diri orang lain³⁷⁴.

- ii) إذا تعارض مفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما³⁷⁵

Ertinya: Apabila terjadi pertentangan antara dua kerosakan, maka yang lebih besar bahayanya diperhitungkan dengan melakukan yang lebih ringan.

Dalam konteks tajuk kajian ini, kaedah ini ada kaitan dengan dua kerosakan yang dihadapi iaitu HIV/AIDS dan penggunaan methadone yang dikategori sebagai dadah yang membawa kepada hukum haram. Walau bagaimanapun, tujuan kewujudan dan kegunaan methadone sebagai terapeutik atau sebagai satu perawatan kepada penagih dadah menjadikan ia sebagai satu kerosakan yang ringan. Manakala penyakit HIV/AIDS yang mampu menular kepada orang lain adalah lebih besar bahayanya berbanding methadone secara terapeutik.

³⁷³ Jalal al-Din Abd al-Rahman b Abi Bakr al-Suyuti (2001), *op.cit.*h. 114.

³⁷⁴ Jika diperhatikan banyak perkara yang membahayakan diri penagih dadah dan kepada orang lain. Semua perkara tersebut kait mengait antara satu sama lain seperti jenayah, keganasan, ekonomi individu, keluarga dan negara, keruntuhan sesebuah bangsa dan pelbagai faktor negatif lagi. Namun, HIV adalah perkara yang melibatkan nyawa dan berjangkit dan menular kepada orang lain maka ia diletakkan pada faktor utama sekali yang membahayakan diri sendiri dan orang lain.

³⁷⁵ *Ibid.*

iii) Rawatan Metadon Sebagai Satu Perkara “الضروريات”

Penggunaan methadone samada seseorang itu meletakkan sebagai racun atau dadah, diharuskan penggunaannya berdasarkan:

- 1) tidak ada pilihan ubatan lain³⁷⁶.
- 2) menghindarkan orang lain terkesan dari penagih dadah tegar samada penyakit HIV/AIDS, menjadi mangsa jenayah atau keganasan terutama membunuh.

4.2.2 RUMUSAN PENGGUNAAN METHADONE DALAM RAWATAN BERDASARKAN MAQASID AL-SYARI'AH

Berdasarkan rawatan kepada penagih dadah tegar di Malaysia pengkaji mendapati bahawa rawatan ini ada berkaitan kearah kemaslahatan pemeliharaan lima kepentingan asas (al-daruriyat al-khams) iaitu:

i) Memelihara agama

Ini dapat dilihat apabila penggunaan methadone dapat mengubati semula fungsi sistem saraf pusat justeru penjagaan fikiran yang membawa kepada tingkahlaku yang terkawal mampu terlaksana. Ini akan membantu mereka semula mengembalikan kewarasan berfikir dan menjalani kehidupan seperti masyarakat normal yang lain. Oleh itu, rawatan ini akan membantu mereka kembali menjadi seorang muslim yang mempunyai tanggungjawab untuk dapat menunaikan perkara wajib seperti solat, puasa dan ibadat lain.

ii) Memelihara nyawa atau diri

Rawatan dengan methadone dapat menjauhkan diri mereka dari terus menggunakan dadah terlarang apalagi diambil secara suntikan. Ini akan membahayakan

³⁷⁶Kesemua cara pengubatan telah dilakukan. Pesakit telah melalui kesemua jenis rawatan, termasuk kerohanian. Rawatan berbentuk kerohanian sudah banyak dilalui oleh pesakit contohnya ketika di Pusat Serenti. Malahan ada pesakit sememangnya sudah menerima secara khusus rawatan berbentuk kerohanian di pusat pemulihan swasta. Di samping itu, masyarakat normal yang membantu mereka, keluarga, negara semuanya telah berusaha merubah mereka termasuk kerohanian. Sekiranya semua ini gagal, rawatan dengan methadone adalah jalan terakhir.

kesihatan mereka seperti berjangkitnya HIV yang akhirnya akan membawa AIDS. Di samping itu, ia akan membahayakan akal fikiran akibat pengambilan dadah. Ini akan mensia-siakan hidup dan mengarah kemusnahan diri mereka di dunia. Melalui rawatan methadone pesakit dapat menjaga diri lantaran melaksanakan semula ibadat dan kembali mengenal Allah.

Sesungguhnya, pada dasarnya, rawatan dan pengubatan tidak mampu menghalang kematian kerana kematian adalah di tangan Allah tetapi usaha kearah memelihara kehidupan diri yang baik sehingga ajal itu adalah satu tanggungjawab³⁷⁷.

iii) Memelihara keturunan

Rawatan methadone menyebabkan pesakit dapat meninggalkan amalan bertukar-tukar jarum ketika mengambil dadah. Ini dapat menjauhkan diri mereka daripada jangkitan HIV. Oleh yang demikian itu, isteri dan anak-anak tidak terjejas dari jangkitan ini. Di samping itu, rawatan ini menjadikan pesakit akan kembali kepada keluarga mereka dan bersatu menjadi sebuah keluarga sepertimana kehidupan normal.

iv) Memelihara akal

Berdasarkan pengamatan pengkaji, penjagaan akal adalah satu tugas terpenting kerana akal akan memandu kelima-lima maqasid syar'iyah ini. Oleh yang demikian itu, dengan rawatan methadone, mampu membantu menjaga agamanya dari segi ibadat wajib kerana mereka sudah kembali normal dan menjalani kewarasan berfikir lalu dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna³⁷⁸. Rentetan dari penjagaan akal fikiran ini, akhirnya dapat maembawa kepada pemeliharaan agama, diri, keturunan dan hartanya. Semua perkara ini adalah kerana rawatan methadone pada hakikatnya mengubati sistem saraf otak, ia juga menjaga tubuh badan lalu membawa kesempurnaan kepada kenormalan hidup.

³⁷⁷ Khalid Abu Zaid Al-Tamawi(2007), *op.cit.*,h. 29.

³⁷⁸ Bagi yang tidak mengetahui untuk melakukan ibadat akan mampu untuk belajar untuk melaksanakan ibadah.

v) Memelihara harta

Rawatan methadone dapat memelihara harta dan ekonomi individu pesakit dari membeli dadah terlarang di samping memelihara kewangan keluarga dan masyarakat yang menjadi mangsa jenayah mencuri. Harta dari sumber halal yang dimiliki oleh penagih akan habis dibazirkan untuk membeli dadah terlarang. Begitu juga harta dari sumber yang haram pula diperolehi menerusi jenayah curi yang dilakukan untuk semata-mata untuk membeli dadah terlarang. Negara pula dapat mengurangkan perbelanjaan yang besar dari merawat mereka yang sudah berulang kali memasuki pusat pemulihan contohnya pusat serenti. Rawatan methadone dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan yang selama ini dikeluarkan sebanyak 500 juta setahun untuk rawatan penagih dadah selain dari methadone.

4.3 KESIMPULAN RUMUSAN

Berdasarkan penilaian yang dapat diketengahkan, fatwa-fatwa yang dibawa sebelum ini tidak jauh berbeza. Namun pengkaji mendatangkan dua fatwa fiqh semasa sebagai sokongan dalam penggunaan bahan dadah dalam perubatan termasuk methadone yang kesantindaknya menyerupai dadah. Sebagaimana fatwa yang telah dikeluarkan oleh ulamak tersohor iaitu Syeikh Jad al- Haq 'Ali Jad al-Haq Rahimahullah³⁷⁹ :

"Tidak halal berubat dengan sesuatu yang haram kecuali ditentukan sebagai ubat. Keharusan berubat tidak wujud selagi tidak berhadapan dengan darurat dan ubat tersebut hanya diambil sekadar untuk menampung darurat sehingga hilang ketagihan tersebut. (Keharusan dan darurat tidak wujud lagi kepadanya setelah hilang ketagihan) dan ianya hendaklah dengan selian doktor pakar dan professional dalam bidang tersebut."³⁸⁰

³⁷⁹ Mengeluarkan fatwa berkenaan dadah ketika menjawat jawatan sebagai mufti Republik Arab Mesir; menjawab penjelasan terhadap beberapa soalan berkisar dadah pada 5 Rabiul Akhir 1399 bersamaan 4hb Mac 1979 sebagaimana yang diminta oleh Ibu Pejabat Membasmi Penyalahgunaan Dadah Kementerian Dalam Negeri di Kaherah surat bertarikh 5hb Februari 1979. Majlis al-'Ala lil Shuun al-Islamiyyah, Wizarah al-Auqaf, Jumhuriyyah Misr al-'Arabiyyah (1983), *Al-Fatawa al-Islamiyyah Min Dar al-Ifta' al-Misriyyah*, j.10, Kitab Min Ahkam al-Mamnu'at, no. 1289, Kaherah: Majlis al-'Ala lil Shuun al-Islamiyyah-Wuzarah Al-Awqaf, h. 3507-3524. Ismail al-Daftar *et al*(1988), *Al-Din wa al-'Ilm fi Muwajahati al-Mukhddarat*, Kaherah: Majlis al-'Ala lil Shuun al-Islamiyyah-Wuzaratu al-Awqaf, h.284.

³⁸⁰ *ibid*, h. 247

Begitu juga berdasarkan keputusan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-3 berkenaan Masalah Dadah dan Penyelesaiannya:

*"Keputusan(i) Sebarang penyalahgunaan termasuk penyalahgunaan dadah, hukumnya haram.
Keputusan(ii) Dadah hanya boleh digunakan bagi tujuan perubatan yang sah mengikut syarak³⁸¹."*

Dalam konteks penggunaan methadone yang bertujuan hanya untuk menjadikan seorang penagih dadah itu menjadi normal, Dar al-Ifta' al-Masriyyah³⁸² meletakkan kebergantungan kepada pandangan doktor pakar yang profesional³⁸³ dalam kesahihan perawatannya. Nilai kesihatan, kesembuhan, pengubatan, perubatan kesemuanya adalah bergantung kepada keprofessionalan dan kepakaran doktor dalam melaksanakan tugas memulihkan pesakit penagih dadah. Begitu juga dengan kesan, risiko dan kerosakan yang bakal berlaku kepada pesakit, pihak doktor yang professional lebih mengetahui dalam tugas mereka.

Ini bererti apa pun tujuan penggunaannya perlu mendapat pengesahan dari doktor yang berkenaan.

Fatwa-fatwa di atas diperkuatkan lagi dengan Keputusan Mesyuarat Panel Kajian Syariah, JAKIM kali ke-52 pada 8hb September 2005 iaitu:

"Dadah sintetik yang dikenali sebagai methadone boleh digunakan sebagai kaedah perubatan bagi penagih dadah tegar sekiranya tiada ubat lain yang halal dan diakui oleh pakar perubatan Muslim dengan syarat kaedah rawatan ini di bawah kawalan dan pemantauan dari pihak berkuasa"³⁸⁴

³⁸¹ tarikh keputusan: 15hb April 1982, tarikh Muzakarah: 15hb hingga 16hb April 1982. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-3(2007), *Keputusan Fatwa Kebangsaan*, siri 1, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional, h. 8.


³⁸² <http://www.dar-alifta.org/>. 16 Jun 2009.

³⁸³ <http://www.dar-alifta.org/Fatwaanswer>. 1hb Julai 2009.

³⁸⁴ Surat jawapan kepada pengkaji berkenaan keputusan fatwa methadone bertarikh 5hb September 2008.

Sesungguhnya, fatwa-fatwa di atas tetap ada kaitan dengan ayat Al-Quran di bawah berkaitan pengecualian pengharaman makan dan minum dalam keadaan-keadaan yang amat mendesak yang disertai dengan kaedah-kaedah fiqh.

Firman Allah Taala:



Ertinya: Tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya³⁸⁵.

Surah al-Baqarah (2): 173

Firman Allah lagi:



Ertinya: Barangsiapa yang dalam keadaan terpaksa, sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, Maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha penyayang³⁸⁶.

Surah al-An'am (6):145

Firman Allah lagi:



Ertinya: Padahal Sesungguhnya Allah Telah menjelaskan kepada kamu apa yang diharamkan-Nya atasmu, kecuali apa yang terpaksa kamu memakannya³⁸⁷.

Surah al-An'am (6): 119

Firman Allah lagi:

إِلَّا مَنْ أَكْرَهُ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ

Ertinya: Kecuali orang yang dipaksa kafir padahal hatinya tetap dalam beriman (dia tidak berdosa).³⁸⁸

Surah al-Nahl (16): 106

³⁸⁵ Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif (1418), *op cit*, h. 42

³⁸⁶ *ibid*, h.213

³⁸⁷ *ibid*, h.207

³⁸⁸ *ibid*, h. 418

Oleh yang demikian itu, sebagai kesimpulan rumusan, ternyata methadone secara umumnya mengandung bahan yang diharamkan berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith. Sekiranya bahan-bahan yang jelas haram dan meragukan tidak digunakan dalam sediaan methadone, maka perlu dilihat pula berdasarkan kesantindak methadone adakah ia mampu mencapai kesantindak yang serupa dengan kesantindak arak tidak kira samada sedikit atau banyak apalagi jika disalahguna. Maka ini menyebabkan methadone perlu diqiaskan dengan arak. Ini menjadikan methadone tidak diharuskan penggunaannya berdasarkan ia mampu mengganggu kewarasan akal. Pun begitu, berdasarkan dari konsep *darurah* atau terdesak untuk menghilangkan kerosakan, kita perlu kembali semula kepada Surah al-Baqarah ayat 173 yang mengharuskan penggunaannya. Namun begitu, penggunaannya tetap tidak boleh lari dari konsep dan syarat yang terkandung dalam perspektif Islam sendiri yang semuanya kembali merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah.

BAB

LIMA